# Memperkukuh Kerjasama

Ke Arah Percagangan Dalam Negeri Yang Progresif, Mampan

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA



# LAPORAN TAHUNAN 2022

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA



# LAPORAN TAHUNAN 2022

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

LAPORAN TAHUNAN 2022

# Kandungan

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA









iv **PERUTUSAN YB MENTERI**

YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi

vi **PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA**

YBhg. Datuk Azman Mohd. Yusof

1 **MAKLUMAT KORPORAT**

- Visi, Misi, Moto & Nilai-nilai Teras
- Carta Organisasi



ISSN 2948-4278
Ogos 2023

Cetakan Pertama 2023



© Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup 2023



Diterbitkan oleh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2, 62623 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.



Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



ISSN 2948-4278
9 7 7 2 9 4 8 4 2 7 0 0 3









6 **PENGURUSAN TERTINGGI**

7 **PENGARAH BAHAGIAN**

9 **PENGARAH NEGERI**

11 **PENCAPAIAN KPDNHEP 2022**

17 **PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI**

- Sektor Perdagangan Pengedaran & Perniagaan
- Sektor Barang Kawalan dan Subsidi
- Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan
- Tribulan Rayuan Persaingan

59 **PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA**

75 **KAMI BERTINDAK**

50 Tahun Penguatkuasa

91 **PENGURUSAN**

- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pengurusan Maklumat

109 **KORPORAT**

- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar, Perancangan Strategik & Antarabangsa
- Bahagian Audit Dalam
- Unit Komunikasi Korporat
- Unit Integriti

131 **AGENSI**

- SSM
- MyCC
- MyIPO

151 **JENDELA RETROSPEKTIF**




# Tuntas Kata
## Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

> ***"Coming together is a beginning, staying together is progress and working together is success"***

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

Nukilan Henry Ford ini sangat relevan dan bertepatan dengan hasrat warga KPDNHEP yang mana kita sebagai satu Kementerian telah menyahut aspirasi Keluarga Malaysia dan melangkah ke tahun 2022 dengan tema "Keluarga KPDNHEP Melangkah Bersama".

Walaupun masih dibelenggu dengan kesan pasca penularan pandemik Covid-19 dan ketindaktentuan ekonomi dunia, ingin saya nyatakan bahawa saya amat berbangga dengan Kementerian ini dan warganya yang telah berperanan sebagai *economic frontliner* yang bertungkus lumus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pemegang taruh Kementerian.

KPDNHEP seringkali menjadi sandaran rakyat terutama dalam menangani isu bersangkut kos sara hidup. Pendekatan fasilitasi perniagaan, penguatkuasaan dan kawalan harga membuktikan bahawa Kementerian merasai dan memahami keluh kesah dan denyut nadi rakyat dan seterusnya mengambil tindakan proaktif dalam menyelesaikan pelbagai isu yang berbangkit yang dihadapi oleh peniaga atau pengguna. Saya besyukur atas semua usaha yang dilakukan kini mula menampakkan keberhasilan. Kita mungkin tidak ramai namun kita ada di mana-mana. Itu lah hakikat kita.

Demi memenuhi ekspektasi dan harapan rakyat juga, Keluarga KPDNHEP dituntut untuk menyuburkan Budaya Kerja Berprestasi Tinggi. Ayuhlah kita terus memberikan perkhidmatan yang




**YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi**
Menteri
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

terbaik dan membudayakan ***KPDNHEP's 5 Pillars of Excellence "People, Purpose, Process, Performance and Progressive"*** dan konsep **3s Pengurusan Pelanggan *"Speed, Simple, Satisfied"***.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Keluarga KPDNHEP atas usaha sepanjang tahun 2022.

# Garapan Bicara
## Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Sepenuh syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. atas kurnia-Nya, tahun 2022 sekali lagi menjadi tahun yang cemerlang bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Penerbitan buku Laporan Tahun 2022 ini menjadi indikasi kepad komitment serta iltizam seluruh warga kerja KPDNHEP dalam menunaikan tekad dan janji untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pemegang taruh.

---

Rentetan daripada aspirasi "Mengharmonikan Ekonomi", KPDNHEP telah memetakan pelbagai strategi dalam mewujudkan ekosistem perdagangan domestik yang mampan, berdaya maju dan berdaya saing bagi menyumbang kepada KDNK secara positif. KPDNHEP komited sebagai pemudahcara bagi memastikan keseimbangan dan keperluan semua pihak terlindung waima dalam aspek kawal selia aktiviti perdagangan dalam negeri, perlindungan hak-hak pengguna, perlindungan harta intelek, pendaftaran perniagaan dan persaingan. Justeru, kita perlu merancakkan sinergi warga Kementerian dan Agensi dalam mencapai semua objektif yang telah kita pusatkan.

Tahniah dan terima kasih saya rakamkan kepada skuad editorial yang telah berjaya menerbitkan laporan komprehensif 2022 ini. Akhir kata, kukuhkan kebersamaan dalam meneruskan perjuangan dan menggapai lebih banyak kejayaan akan datang.



**YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna

***"The Art of Possibility is Do first, then look at result!***

***The Art of Impossibility is to be negative all the times***

***The Art of Success is to be a Game Changer that adopts the Art of Possibility"***


HARI PENGGUNA KEBANGSAAN
HPK 2022
HARI PENGGUNA KEBANGSAAN
HPK 2022
JOHAN

# Maklumat Korporat



# Visi

**Perdagangan domestik tunjang ekonomi berpendapatan tinggi**

# Misi

1. Menggerakkan sektor domestik utama yang berdaya saing, progresif dan mampan;
2. Ekonomi domestik berasaskan persaingan adil dan inovatif; dan
3. Membangunkan ekosistem perdagangan berasaskan etika dan kepentingan pengguna

## Nilai-Nilai Teras

BEKERJASAMA | AMANAH | KOMITED | ADIL

# 5 Teras Strategik KPDNHEP

- Meningkatkan sumbangan perdagangan dalam negeri kepada pendapatan negara kasar (PNK)
- Mewujudkan masyarakat pengguna yang berdaya upaya dan amalan perniagaan yang beretika
- Memupuk ekonomi berteraskan inovasi melalui sistem dan perundangan yang efektif
- Mewujudkan persekitaran pasaran yang kondusif untuk pengguna dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup
- Kecemerlangan organisasi

## Moto

# Perdagangan Sihat Pengguna Berkat


HDC
BAJET 2022
Majlis Pelancaran Bersama Lotus's
OPEN INISIATIF BAJET 2022
Jadikan Halal Pilihan Utama Anda
Lotus's
JADIKAN
HALAL
PILIHAN UTAMA
ANDA




ECONSAVE
BANDINGKAN HARGA KAMI
SAYUR LELONG
TIMUN, PETOLA, LABU, BENDI
RM
2.00




MENTERI
DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
TIMBALAN MENTERI
DATO' ROSOL BIN WAHID
KETUA SETIAUSAHA (TURUS III)
DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI) PTD UTAMA B
DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN
BAHAGIAN PENGUAT KUASA
KETUA PENGARAH (PEGAWAI PENGUAT KUASA UTAMA B)
AZMAN BIN ADAM (PEGAWAI PENGUAT KUASA UTAMA C)
SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN DAN PERNIAGAAN
PENGARAH KANAN (PTD UTAMA C)
DATO ROHAIZI BIN BAHARI
SEKTOR HAL EHWAL KOS SARA HIDUP DAN PENYELIDIKAN
PENGARAH KANAN (PTD UTAMA C)
MOHAMMAD SANUSI BIN ABDUL KARIM
SEKTOR BARANG KAWALAN DAN SUBSIDI
PENGARAH KANAN (PTD UTAMA C)
DATO STANLEY TAN
TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN
SETIAUSAHA TRIBUNAL (L54/M54)
SHAMSURRYATY BINTI SHAMSUDDIN (L54)
SEKRETARIAT PERDAGANGAN PENGEDARAN DAN INDUSTRI PERKHIDMATAN
PENGARAH (PTD M54)
MUHAMAD HANIF BIN ASAARI
SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA
KETUA SEKRETARIAT GRED 54 (TERBUKA)
ATAN BIN SAPIAN
BAHAGIAN KAWAL SELIA PETROLEUM
PENGARAH (PTD M54)
ZAIMY BIN SHAARI
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
PENGARAH (PTD M54)
SITI NORAIDA BINTI SHAIKH ABDULLAH
BAHAGIAN ANALISIS EKONOMI DAN DATA STRATEGIK
PENGARAH (PTD M54)
FARAISMAWATI BINTI OSMAN
BAHAGIAN SUBSIDI DAN BEKALAN
PENGARAH (PTD M54)
AHMAD RIZAL BIN KHALID
BAHAGIAN PEMBANGUNAN FRANCAIS DAN JUALAN LANGSUNG
PENGARAH (PTD M54)
MUHD FAIRUZ BIN ABDUL HALIM
BAHAGIAN HARGA BARANGAN NEGARA
PENGARAH (PTD M54)
SELVI A/P SHANMUGAM
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG
PENASIHAT UNDANG-UNDANG (PUU UTAMA C)
ALLAUDDIN BIN MOHD TAHIR
BAHAGIAN AKAUN
PENGARAH (AKAUNTAN WA54)
ERA JUITA BINTI TAIB (AKAUNTAN GRED UTAMA C)
BAHAGIAN DASAR PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA
PENGARAH (PTD UTAMA C)
DR. ROSBI BINTI ABD RAHMAN (PTD UTAMA C)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
PENGARAH (PTD M54)
JUITA BINTI JALALUDIN
UNIT INTEGRITI
KETUA UNIT (PEGAWAI SIASATAN GRED P53/54)
PJKPKP ZUBER BIN ZAINAL
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN
PENGARAH (PTD M54)
NOOR RASHIDA BINTI ABDUL RASHID
BAHAGIAN AUDIT DALAM
KETUA AUDIT DALAM (JURUAUDIT W52)
ILIANA BINTI ISMAIL
PEJABAT KPDNHEP NEGERI
NEGERI PERLIS
PENGARAH (PTD M48)
NORAZAH BINTI JAAPAR
NEGERI KEDAH
PENGARAH (PTD M52)
AFFENDI RAJINI KANTH
NEGERI PULAU PINANG
PENGARAH (PTD M54)
JEGAN A/L R. SUBRAMANIAM
NEGERI PERAK
PENGARAH (PTD M54)
SAIFUL IZAN BIN KAMARUL ZAMAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
PENGARAH (PTD M54)
ARIFFIN BIN SAMSUDIN
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
PENGARAH (PTD M44)
JUNAIDAH BINTI ARBAIN
NEGERI SELANGOR
PENGARAH (PTD M54)
MOHD ZUHAIRI BIN MAT RADEY
NEGERI SEMBILAN
PENGARAH (PTD M52)
MUHAMMAD ZAHIR BIN MAZLAN

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA) PTD UTAMA B**
DATIN ROSZANINA BINTI WAHAB

| Bahagian / Agensi | Jawatan | Nama |
|---|---|---|
| BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT | PENGARAH (PTM F54) | BURHANUDDIN BIN MD ZAIN |
| TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA | PENGERUSI TRIBUNAL (PUU UTAMA C) | HAMIDUN BIN ABDUL FATAH |
| BAHAGIAN GERAKAN KEPENGGUNAAN | PENGARAH (PTD M54) | ADIRATNO BIN CHE ANI |
| SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA | KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF | DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ |
| PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA | KETUA PENGARAH | ABDUL HARIS BIN LAKAR |
| SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA | KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF | ISKANDAR BIN ISMAIL |
| UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KETUA KOMUNIKASI KORPORAT GRED 54 (TERBUKA) | YUNUS BIN TASIM |
| BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN | PENGARAH (PTD M54) | MOHD ZAID BIN IDRIS |
| BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DASAR KEPENGGUNAAN | PENGARAH (PTD M54) | MUHAMAD ZIKRIL AZAN BIN ABDULLAH |

| Negeri | Jawatan | Nama |
|---|---|---|
| NEGERI MELAKA | PENGARAH (PTD M52) | NORENA BINTI JAAFAR |
| NEGERI JOHOR | PENGARAH (PTD M54) | MOHD HAIRUL ANUAR BIN BOHRO |
| NEGERI PAHANG | PENGARAH (PTD M52) | DATO MARK BIN ULIN |
| NEGERI TERENGGANU | PENGARAH (PTD M52) | SAHARUDDIN BIN MOHD KIA |
| NEGERI KELANTAN | PENGARAH (PTD M52) | AZMAN BIN ISMAIL |
| NEGERI SARAWAK | PENGARAH (PTD M54) | MATTHEW ANAK DOMINIC BARIN |
| NEGERI SABAH | PENGARAH (PTD M54) | GEORGIE ABAS |

# Pengurusan Tertinggi

**YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi**
Menteri

**Datuk Azman Bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha

**YB. Dato' Rosol Bin Wahid**
Timbalan Menteri

**YBhg. Datuk Roziah Binti Abudin**
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan Perdagangan
Dalam Negeri)

**YBhg. Datin Roszanina Binti Wahab**
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pendayaupayaan Pengguna)



# Pengarah Bahagian



**Azman Bin Adam**
Bahagian Penguat Kuasa



**Mohammad Sanusi Bin Abdul Karim**
Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan



**Dr. Rosbi Binti Abd Rahman**
Bahagian Dasar Perancangan Strategik dan Antarabangsa



**Hamidun Bin Abdul Fatah**
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia



**Allauddin Bin Mohd Tahir**
Bahagian Undang-Undang



**Eba Julata Binti Taib**
Bahagian Akaun



**Dato' Rohaizi Bin Bahari**
Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan



**Dato' Stanley Tan**
Sektor Barang Kawalan dan Subsidi



**Ahmad Rizal Bin Khalit**
Bahagian Subsidi Dan Bekalan



**Mohd Zaid Bin Idris**
Bahagian Standard Kepenggunaan



**Zaimy Bin Shaari**
Bahagian Kawal Selia Petroleum



**Siti Noraida Binti Shaikh Abdullah**
Bahagian Pembangunan Perniagaan



**Selvi A/P Shanmugam**
Bahagian Harga Barang Negara



**Adiratno Bin Che Ani**
Bahagian Gerakan Kepenggunaan



**Julia Binti Jaladdin**
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

# Pengarah Bahagian



**Zuber Bin Hj Zainal**
Bahagian Integriti



**Muhamad Hanif Bin Asa'ari**
Sekretariat Perdagangan Pengedaran Perniagaan Dan Industri Perkhidmatan



**Muhd Fairuz Bin Abdul Halim**
Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung



**Muhamad Zikril Azan Bin Abdullah**
Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan



**Shamsurryaty Binti Shamsuddin**
Tribunal Rayuan Persaingan



**Faraismawati Binti Osman**
Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik



**Noor Rashida Binti Abdul Rashid**
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan



**Burhanuddin Bin Md Zain**
Bahagian Pengurusan Maklumat



**Yunus Bin Tasim**
Unit Komunikasi Korporat



**Atan Bin Sapian**
Majlis Tindakan Sara Hidup Negara



**Illiana Binti Ismail**
Bahagian Audit Dalam

# Ketua Agensi



**Datuk Nor Azimah Binti Abdul Aziz**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia



**Abdul Haris Bin Lakar**
Ketua Pengarah
Perbadanan Harta Intelek Malaysia



**Iskandar Bin Ismail**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Persaingan Malaysia

# Pengarah Negeri



**Saifullizan Bin Kamarul Zaman**
Perak



**Georgie Abas**
Sabah



**Mohd Zuhairi Bin Mat Radey**
Selangor



**Ariffin Bin Samsudin**
Kuala Lumpur



**Mohd Hairul Anuar Bin Bohro**
Johor



**Jegan A/L R. Subramaniam**
Pulau Pinang



**Matthew Anak Dominic Barin**
Sarawak



**Dato' Mark Bin Ujin**
Pahang



**Azman Bin Ismail**
Kelantan



**Saharuddin Bin Mohd Kia**
Terengganu



**Norena Binti Jaafar**
Melaka



**Affendi Rajini Kanth**
Kedah



**Muhammad Zahir Bin Mazlan**
Negeri Sembilan



**Norazah Binti Jaapar**
Perlis



**Junaidah Binti Arbain**
Labuan


Toastea
FRAGILE
MYDIN
Sokong
Beli
MYDIN 65
KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA
#barangbaikbarangkita
NOBA
MYDIN 65
KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA

# PENCAPAIAN KPDNHEP 2022



# Imbasan Pencapaian Tahun 2022

## Pencapaian Penguatkuasaan

**825,087**
premis perniagaan

**RM7.96 juta**
nilai kompaun

**10,869**
kertas siasatan

**53 kes**
telah dihadapkan di mahkamah

**RM113.330 juta**
nilai rampasan

**RM439,330.00**
jumlah denda

**9,279**
kes

**29,130**
aduan

**OPS SAMAR**
(tidak memakai uniform)

**OPS ATM**
(Ayam, Telur dan Minyak Masak)

**OPS TIRU**

**OPS SUCI**

**OPS BLING**

**OPS KREDIT**

**OPS CATUT**

**OPS SURI**

**OPS MENU**

**OPS TERJAH**

**OPS SEPADU**

**615 kes**
Rampasan bernilai
**RM78.4 juta**

Jualan Keluarga Malaysia

**222**
kawasan parlimen

**2,000**
lokasi

Jualan mencecah
**RM62.5 juta**



## Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* atau Program Penyeragaman Harga

## Teknologi Digital

RCDi

MySalesTracker

PriceCatcher



## Franchise International Malaysia (FIM) 2022

## Program Advokasi Kepenggunaan

**telah dilaksanakan di semua platform konvensional, elektronik, digital dan media baharu**

## Insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965

## Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia

**10,525** kes

**200%**



**Memuktamadkan sisatan dan mengeluarkan keputusan cadangan lima (5) pengeluar makanan ayam**

**Telah menyelesaikan kes kartel dan monopoli RM175 juta**

# Imbasan Pencapaian Tahun 2022

**7,542**
paten

**50,497**
cap dagangan

**1,656**
rekabentuk perindustrian

**4**
petunjuk geografi

**6,571**
notifikasi pemberitahuan secara sukarela hak cipta

# PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI



# Sektor Perdagangan Pengedaran & Perniagaan

**SDTP** ditubuhkan dengan fungsi utama untuk **mengawal selia dan menyelaras semua aktiviti perdagangan dan pengedaran** di dalam negara.

**SPIP** bertanggungjawab untuk **mengawal selia industri perdagangan dan pengedaran** di Malaysia

## Pengenalan

### Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP)

Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP) ditubuhkan pada bulan Ogos 2019 selaras dengan penyusunan semula fungsi kementerian pada ketika itu. SDTP ditubuhkan dengan fungsi utama untuk mengawal selia dan menyelaras semua aktiviti perdagangan dan pengedaran di dalam negara. Pengurusan sektoral SDTP diterajui oleh jawatan Pengarah Kanan (SDTP) dan melibatkan tiga (3) bahagian di bawahnya iaitu Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP), Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP) dan Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) serta satu (1) unit Pentadbiran dan Kewangan (UPKS). Jumlah perjawatan di SDTP seramai 69 perjawatan adalah secara pukal dan tidak diperincikan secara khusus mengikut bahagian.

### Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)

Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) bertanggungjawab untuk mengawal selia industri perdagangan dan pengedaran di Malaysia melibatkan syarikat-syarikat tempatan dan asing serta sektor tidak dikawal selia. SPIP juga berperanan dalam pembangunan dasar dan pelaksanaan program-program yang merangsang perdagangan dalam negeri termasuklah program jualan murah, perdagangan secara elektronik serta pelesenan bagi ejen pemilikan semula, timbang sukat dan cakera optik. Selain itu, SPIP juga merupakan bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan melaksanakan program-program Food Bank Malaysia yang mengagihkan bantuan makanan kepada golongan kurang berkemampuan bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup kumpulan sasaran.

# Program-program Utama SPIP Tahun 2022

## i. Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI)

### LATAR BELAKANG

Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (***Retail Digitalisation Initiative*** – ReDI) adalah merupakan langkah proaktif Kementerian bagi memastikan pemain industri sektor peruncitan kekal bersedia menghadapi model perniagaan baharu berasaskan digitalisasi. Pelaksanaan inisiatif ini akan meningkatkan pendedahan kepada peniaga berhubung keperluan pengoperasian perniagaan yang berkonsepkan digital termasuklah penggunaan kemudahan e-wallet dalam suasana norma baharu ini.

ReDI ini juga adalah bagi menyahut hasrat Kerajaan dalam menggalakkan digitalisasi menerusi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang telah dilancarkan pada 19 Februari 2021 iaitu untuk mempromosikan program *onboarding* pembayaran elektronik bagi peniaga dan pengguna untuk menjadi masyarakat tanpa tunai (Teras 5 – Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif).

Berdasarkan Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025) di bawah Tema 1: Menjana Semula Ekonomi, Bab 2(A2.1) Menambah Baik Proses Pengeluaran dan Operasi, Kementerian telah menyasarkan 15,000 peniaga berdaftar e-*wallet* sehingga tahun 2025 dan pelaksanaan lima (5) program (penjaja dan peniaga kecil yang menerima guna gerbang pembayaran pelbagai saluran) setiap tahun.

Sehingga 31 Disember 2022, seramai 8,479 (57%) peniaga di seluruh negara telah berjaya didaftarkan e-wallet.

Objektif utama ReDI adalah seperti berikut:

**i. memberi peluang kepada peniaga-peniaga mendapatkan input berkaitan kemudahan e-*wallet* dan membuat pendaftaran melalui penyedia-penyedia e-*wallet* yang terpilih;**
**ii. menggalakkan amalan penggunaan e-*wallet* oleh pengguna dalam membuat sebarang transaksi pembelian; dan**
**iii. mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai (*cashless society*) di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar.**



## iii. Program Food Bank Malaysia (PFBM)

FOOD BANK malaysia

### LATAR BELAKANG

1. Program Food Bank Malaysia (PFBM) telah diperkenalkan sebagai salah satu **inisiatif peduli rakyat** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) **membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan makanan** yang mana secara tidak langsung dapat **meringankan kos sara hidup golongan tersebut**. Program ini juga selari dengan matlamat *United Nations Sustainable Development Goals* (SDG) 12.3, iaitu mencapai pengurangan setengah daripada lebihan makanan (*QFood Waste*) keseluruhan yang dikeluarkan oleh industri peruncitan dan pengguna pada tahun 2030.

2. Konsep program ini adalah untuk **menyelamatkan lebihan makanan yang masih boleh dimakan melalui pengumpulan daripada penyumbang** iaitu pasaraya, pengilang, pengusaha makanan, hotel dan syarikat korporat. Makanan yang telah dikumpul kemudiannya akan diagihkan kepada kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti daripada keluarga miskin dan kurang upaya, rumah-rumah kebajikan, pusat bantuan makanan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta pelajar-pelajar Universiti yang kurang berkemampuan.

### PENCAPAIAN

1. Semenjak bulan **Ogos 2018** sehingga **November 2022**, seramai **695,410 Ahli Isi Rumah** telah berjaya mendapat manfaat daripada Program ini. Secara tidak langsung, Program ini juga telah berjaya menyelamatkan **3,046** sebanyak **Tan Metrik** lebihan makanan.

2. Bagi **Program Food Bank Siswa** pula, sejak program ini dijalankan daripada **Februari 2019** ***sehingga* November 2022**, sebanyak **21,025 Mahasiswa** telah mendapat maanfaat daripada program ini yang dilaksankan di **29 cawangan Institut Pengajian Tinggi (IPT)**.







IV. **Program Jualan Malaysia (PJM)**

# Program Jualan Malaysia (PJM) 2022

Naratif **Membantu memulih (*recovery*), merancak (*revitalise*) dan menghidupkan semula (*revive*) sektor peruncitan di seluruh negara sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara**








DATA/STATISTIK:

**Nilai Jualan:**

**Sasaran**
**RM500 Bilion/tahun**
**Pencapaian**
**RM936.3 Bilion**
(Q32022)

**Bilangan Premis Mengadakan Jualan Murah:**

**Sasaran**
**300,000**
**Pencapaian**
**302,522**
(*sehingga* Dis 2022)

**Jumlah Pengguna Mysales Tracker:**

**Sasaran**
**50,000**
**Pencapaian**
**164,543**
(*sehingga* Dis 2022)

# Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP)

Manakala Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP) berperanan untuk memantapkan penyertaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan dalam sektor perdagangan pengedaran melalui promosi produk-produk tempatan bagi membantu merancakkan ekonomi domestik serta menggalakkan penggunaan produk tempatan. Selain itu, BPP turut berperanan memberikan pengiktirafan kepada premis-premis perniagaan yang terlibat sektor perdagangan dan pengedaran khususnya yang menawarkan harga berpatutan bagi manfaat pengguna.

## Program-program Utama BPP Tahun 2022

### Merancakkan Ekonomi –<br>Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM)

Naratif **Merancakkan ekonomi domestik serta menggalakkan pembelian dan penggunaan barangan Malaysia melalui KBBM**

**1. OBJEKTIF UTAMA KBBM 2022**

**Tingkat Semangat Patriotisme**
Meningkatkan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia terhadap barangan Malaysia

**Rangsang Pertumbuhan Ekonomi Domestik**
Merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan pembelian barangan tempatan

**Tingkat Kesedaran Terhadap Kualiti Barangan Malaysia**
Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kualiti produk Malaysia yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa

**Produk Tembusi Pasaran**
Membantu pengusaha tempatan dalam memasarkan produk mereka



## 2. INISIATIF STRATEGIK KBBM 2022

1. PEMERKASAAN PRODUK TEMPATAN DI DALAM INDUSTRI PERUNCITAN TEMPATAN
2. INISIATIF PENEMBUSAN, PROMOSI JUALAN DAN PEMASARAN DALAM TALIAN
3. KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA (KBM) 2022
4. PELAN MEDIA DAN KOLABORASI KHAS LES' COPAQUE PRODUCTION SDN. BHD
5. JUALAN BERTEMA BERDASARKAN SEGMEN KHUSUS KBBM
6. PEMBANGUNAN PRODUK TEMPATAN

## 3. PENCAPAIAN

**PEMERKASAAN PRODUK TEMPATAN DI DALAM INDUSTRI PERUNCITAN TEMPATAN**

- Melibatkan 13 buah syarikat peruncitan
- Jumlah jualan mencecah RM1.2bilion (Bagi Suku Tahun Ketiga 2022)

**INISIATIF PENEMBUSAN, PROMOSI JUALAN DAN PEMASARAN DALAM TALIAN**

- Melibatkan 5 buah penyedia platform *market place*
- Jumlah jualan mencecah RM17 juta (Bagi Suku Tahun Ketiga 2022)

**PELAKSANAAN KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA (KBM) 2022**

- Pelaksanaan di Ipoh, Johor Bahru & Kuching
- Melibatkan lebih 200 pempamer tempatan
- Jumlah Jualan sebanyak RM550 ribu

**PELAKSANAAN JUALAN BERTEMA KBBM**

- Melibatkan 2 kluster utama (industri kraftangan & industri fesyen)
- Kolaborasi Khas bersama Kraftangan Malaysia dan *Malaysia Bumiputera Designer Association* (MBDA)

## Jualan Bertema








## Pemerkasaan Produk







## Karnival Barangan Malaysia (KBM)







## Promosi dan Pemasaran KBBM Dalam Marketplace (italic marketplace)








## 2. LATAR BELAKANG JMKM

**2 Disember 2021**

- Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM)
- Dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri
- Dilaksanakan di seluruh 222 kawasan parlimen

**29 Jun 2022**

- Mesyuarat Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YB Tan Sri Annuar Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia.
- Ditubuhkan untuk membantu rakyat menghadapi cabaran ekoran peningkatan kos sara hidup.

**4 Ogos 2022**

- Susulan daripada sambutan yang menggalakkan Kerajaan bersetuju untuk meneruskan PJKM
- PJKM dijenamakan semula sebagai Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM).
- Dilaksanakan mulai 15 Ogos 2022.
- Melibatkan 5 Kementerian iaitu KPDNHEP, MAFI, KPLB, KUSKOP dan KWP.

**15 Ogos 2022**

- JMKM bermula pada 15 Ogos 2022 sehingga 31 Disember 2022.
- Objektif JMKM iaitu menawarkan pengurangan harga barangan keperluan harian sehingga 20% atau lebih berbanding harga pasaran semasa
- Diadakan sebanyak 2 kali sebulan atau setiap minggu di premis terpilih

## 3. PENCAPAIAN PELAKSANAAN JMKM DARI 1.1.2022 SEHINGGA 18.12.2022

**NILAI JUALAN KESELURUHAN**

**RM219,668,895.56**

**JUMLAH PENGUNJUNG KESELURUHAN**

**9,479,482**

**ORANG**


Che'Nor
CNFS MANUFACTURING SDN BHD
PELANCARAN
TOSHIBA
LG
SAMSUNG
RM 19.99
TOMIN-M
PROGRAM PADANAN

# Bahagian Pembangunan Francais Dan Jualan Langsung (BPFJL)

## Program-program Utama BPFJL Tahun 2022

PROGRAM 1 (BPFJL)

### Jelajah Francais Bay

Naratif **Memberi pendedahan tentang sistem-sistem perniagaan francais yang telah wujud serta pakej-pakej latihan dan pembiayaan yang disediakan oleh Kerajaan kepada bakal usahawan francais**

Program Francais Bay ialah siri pameran melibatkan penyertaan syarikat francais bagi mempromosikan perniagaan mereka kepada orang ramai. Melalui program ini juga, bakal-bakal usahawan didedahkan dengan sistem perniagaan francais, serta pelbagai latihan dan pembiayaan yang disediakan oleh Kerajaan.

**Aktiviti dan Pencapaian dari Januari 2022 hingga Disember 2022**

| Program | Tarikh | Tempat | Penyertaan | Perasmi | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|
| **Jelajah Francais Bay** | 27-29 Mei 2022 | Vivacity Megamall, Kuching. Sarawak | 15 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | YBM | • 59 potensi francaisi telah mendapatkan khidmat nasihat;<br>• nilai potensi pelaburan – RM40 juta |
| | 9-11 Jun 2022 | Angsana Johor Bahru Mall, Johor | 24 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | YBTM | • 128 potensi francaisi telah mendapatkan khidmat nasihat;<br>• nilai potensi pelaburan – RM36 juta |
| | 15-17 Julai 2022 | Kuantan City Mall, Pahang | 20 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | KSU | • 96 potensi francaisi telah mendapatkan khidmat nasihat;<br>• nilai potensi pelaburan – RM29 juta |
| | 19-21 Ogos 2022 | Aeon Mall, Shah Alam, Selangor | 20 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | YBTM | • 194 potensi francaisi telah mendapatkan khidmat nasihat;<br>• nilai potensi pelaburan – RM52 juta |

Gambar-gambar sekitar Jelajah Francais Bay 2022






















PROGRAM 2 (BPFJL)

# Misi Pengembangan Perdagangan Francais

Naratif **Mempromosikan jenama francais tempatan ke pasaran antarabangsa**

Program Misi Perdagangan dan Promosi ini adalah di bawah Program Pengukuhan Francais bagi Meningkatkan Eksport (EFDP) yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak *Malaysian Franchise Association* (MFA). Objektif utama Misi Khas Perniagaan ini adalah bagi mempromosikan jenama francais tempatan ke pasaran antarabangsa dengan fokusnya adalah untuk membawa jenama francais tempatan yang bertaraf antarabangsa menembusi pasaran negara-negara luar.

### Aktiviti dan Pencapaian dari Januari 2022 hingga Disember 2022

| Program | Tarikh | Tempat | Penyertaan | Perasmi | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|
| ***Specialized Business Mission*** | 6-9 Mei 2022 | Jeddah, Arab Saudi | 5 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | YBTM | Bilangan prospek: 36<br>Unjuran potensi pelaburan: RM7.9 juta |
| ***Specialized Business Mission*** | 6-9 Mei 2022 | Sarajevo, Bosnia-Herzegovina | 5 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | YBTM | Bilangan prospek: 40<br>Unjuran potensi pelaburan: RM9.9 juta |
| ***Africa's Big 7*** | 19-21 Jun 2022 | Johannesburg, Afrika Selatan | 4 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | KSU | Bilangan prospek: 110<br>Unjuran potensi pelaburan: RM10.1 juta |
| ***International Franchise License & Business Concept Expo & Conference 2022* (IFRA)** | 5-7 Ogos 2022 | Jakarta, Indonesia | 14 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | PK (SDTP) | Bilangan prospek: 203<br>Unjuran potensi pelaburan: RM64.4 juta |
| ***Franchise International Malaysia* (FIM2022)** | 8-10 September 2022 | Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, KLCC | 125 syarikat tempatan dan asing | YAB PM | Bilangan prospek: 2,074<br>Unjuran potensi pelaburan: RM553 juta |
| ***Franchise Asia Philippines 2022* (FAPHL 2022)** | 14-16 Oktober 2022 | Manila, Filipina | 8 syarikat Jenama Francais Malaysia (FM) | PK (SDTP) | Bilangan prospek: 113<br>Unjuran potensi pelaburan: RM43.89 juta |

Antara pencapaian utama industri francais di Malaysia pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

i. 62 sijil pendaftaran francais telah dikeluarkan;
ii. sesi penyerahan sijil pendaftaran francais telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2022;
iii. jumlah syarikat francaisor yang aktif dan menghantar Laporan Tahunan Perniagaan Francais yang sah sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak 119 syarikat; dan
iv. nilai jualan industri francais bagi tahun 2021 mencatatkan peningkatan sebanyak 105.48% iaitu berjumlah RM30 bilion berbanding RM14.6 bilion pada tahun 2020.

## Lawatan Delegasi KPDNHEP ke Luar Negara



PROGRAM 3 (BPFJL)

# Hari Industri Jualan Langsung Malaysia dan Pelancaran Pelan Hala Tuju Industri Jualan Langsung (2021–2025)

Naratif **Mengembangkan industri jualan langsung dan memberikan pendedahan yang lebih meluas mengenai aktiviti perniagaan jualan langsung yang sah di Malaysia**



KPDNHEP pada tahun 2022 telah melaksanakan **inisiatif terbaharu** bagi mengetengahkan kepentingan industri jualan langsung sebagai salah satu sektor ekonomi yang amat berpotensi dan penganjuran **Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia** merupakan strategi yang tepat bagi membantu industri mengukuhkan daya saing perniagaan dalam persekitaran perniagaan yang semakin mencabar serta dinamik.

Program yang dilaksanakan dengan kerjasama *Direct Selling Association of Malaysia* (DSAM) dan *Malaysian Direct Distribution Association* (MDDA) ini bertujuan untuk memperluaskan pemahaman kepada masyarakat mengenai perniagaan jualan langsung yang sah di Malaysia serta memberikan kesedaran mengenai potensi perniagaan jualan langsung sebagai sumber pendapatan individu di samping mampu menjana pendapatan ekonomi. Program ini telah diadakan di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pada 27 hingga 29 Mei 2022 bertemakan 'Khazanah Alam Jualan Langsung' dan dirasmikan oleh mantan Timbalan Menteri PDN, YB Dato' Rosol bin Wahid pada 28 Mei 2022.

Objektif pelaksanaan Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia ini adalah seperti berikut:

i. platform kepada syarikat jualan langsung untuk mempromosikan perniagaan mereka sebagai salah satu pendekatan yang wajar diterokai sebagai sumber pendapatan tetap atau sampingan;
ii. menggalakkan penglibatan peniaga dan masyarakat khususnya B40 dan M40 untuk menceburkan diri dalam bidang jualan langsung yang mempunyai model perniagaan moden dan terus kepada pelanggan serta potensi pulangan yang menguntungkan;
iii. memberi kefahaman,

kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat untuk memahami konsep, sistem perniagaan jualan langsung yang sah di Malaysia serta peluang mengenali dengan lebih dekat syarikat-syarikat jualan langsung yang dilesenkan di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 [Akta 500]; dan

iv. membantu mempromosikan kelebihan produk jualan langsung seterusnya merancakkan semula perkembangan ekonomi perdagangan dalam negeri.

Antara pencapaian utama industri jualan langsung di Malaysia pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

i. sebanyak 156 lesen telah dikeluarkan merangkumi 36 Lesen Baharu dan 120 Lesen Pembaharuan;
ii. sesi penyerahan Lesen Jualan Langsung (Baharu dan Pembaharuan) telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu pada 22 Julai 2022, 22 September 2022, 15 Oktober 2022 dan 9 Disember 2022;
iii. jumlah syarikat Jualan Langsung yang aktif dan mempunyai lesen AJL yang sah sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak 417 syarikat;
iv. nilai jualan industri Jualan Langsung mencatatkan peningkatan sebanyak 5% iaitu berjumlah RM27 bilion berbanding RM25.7 bilion nilai jualan pada tahun 2020; dan
v. industri Jualan Langsung di Malaysia telah berjaya berada pada kedudukan keenam (ke-6) di peringkat global (dunia) dan turut berjaya menduduki tangga keempat (ke-4) di Asia Pasifik melalui Laporan Jualan Peruncitan Jualan Langsung Global 2021.










# Sektor Barang Kawalan dan Subsidi

## BAHAGIAN KAWAL SELIA PETROLEUM

PENCAPAIAN 1 – AKTIVITI 1

### Projek Rintis Bagi Pembekalan Minyak Petrol dan Diesel Tanpa Subsidi Di Negeri Perlis

i. Mesyuarat Pembekalan Minyak Petrol dan Diesel Tanpa Subsidi Serta Kawasan Pengedaran Melibatkan Kawasan di Sempadan telah diadakan pada 10 Disember 2022 di Perlis dan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasa, KPDNHEP.

ii. Mesyuarat Pembekalan Minyak Petrol dan Diesel Tanpa Subsidi Serta Kawasan Pengedaran Melibatkan Kawasan di Sempadan pada 20 Disember 2022 di Putrajaya dan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, KPDNHEP.

Kedua-dua mesyuarat ini melibatkan pegawai-pegawai daripada agensi penguatkuasa termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Sukarela (RELA), Pasukan Gerakan Am serta pegawai KPDNHEP negeri Perlis dan Putrajaya. Mesyuarat ini merupakan satu sesi libat urus dengan agensi/jabatan penguatkuasa dan juga sebagai langkah siap siaga sebelum pelaksanaan projek rintis di negeri Perlis yang akan bermula pada bulan Februari hingga April 2023. Mesyuarat ini juga bertujuan untuk membincangkan pengenalan kepada dua (2) stesen minyak tanpa subsidi di negeri Perlis. Selain itu, mesyuarat turut bertujuan untuk mendapatkan kerjasama daripada agensi/jabatan penguatkuasa dalam menghalang penyalahgunaan petrol dan diesel subsidi oleh kenderaan luar negara.




Mesyuarat Pembekalan Minyak Petrol dan Diesel Tanpa Subsidi Serta Kawasan Pengedaran Melibatkan Kawasan di Sempadan pada 10 Disember 2022 di Perlis



Mesyuarat Pembekalan Minyak Petrol dan Diesel Tanpa Subsidi Serta Kawasan Pengedaran Melibatkan Kawasan di Sempadan 20 Disember 2022 di Putrajaya

PENCAPAIAN 2 - AKTIVITI 2

# Meliberalisasi Pembekalan Produk Petroleum Bersubsidi Di Kawasan Luar Bandar

YBhg. Datuk KSU KPDNHEP dalam mesyuarat pada 14 Jun 2023 telah bersetuju dengan cadangan meliberalisasi pembekalan produk petroleum bersubsidi di kawasan luar bandar dengan pemansuhan penetapan zon pengoperasian syarikat minyak mini serta pemansuhan larangan membangunkan stesen minyak jenama penuh yang baharu dalam jarak 10 kilometer daripada stesen minyak mini.. Keputusan ini telah dicapai setelah melaksanakan pelbagai sesi libat urus bersama syarikat minyak mini dan pihak-pihak berkepentingan.





Mesyuarat Bersama Syarikat Minyak Mini di KPDN pada 23 Jun 2022 & Bengkel di Genting Highlands, Pahang pada 19-21 Oktober 2022



Perbincangan Berkenaan Status Pembekalan Produk Petroleum Di Kawasan FELDA di Menara Felda, Kuala Lumpur pada 16 Mac 2023




Perbincangan Berkenaan Status Pembekalan Produk Petroleum Di Kawasan FELDA secara atas talian pada 24 Mei 2023

PENCAPAIAN 3 - AKTIVITI 3

# Menstruktur Semula Permohonan Kuota dan Tuntutan Subsidi Diesel

KPDN bersama pihak Kementerian Kewangan (MOF) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah mengenal pasti salah satu proses permohonan kuota dan tuntutan subsidi yang boleh distruktur semula untuk diperhalusi mekanisme pelaksanaannya bagi mengurangkan risiko ketirisan.









Lawatan Kerja di Pulau Langkawi pada 8-10 November 2022

PENCAPAIAN 4 - AKTIVITI 4

# Meningkatkan Pendigitalan Pengumpulan Data Dalam Kawal Selia Produk Petroleum Terpilih

Sistem DataPetrol diwujudkan sebagai gudang maklumat pembekalan dan pengedaran produk petroleum petrol, diesel dan LPG selaras dengan dasar digitalisasi negara. Sesi latihan sistem telah dilaksanakan untuk semua syarikat minyak supaya data yang dikumpul adalah komprehensif bagi memastikan kawal selia produk petroleum terpilih dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan efektif.





Sesi Latihan Sistem DataPetrol di Kuching, Sarawak pada 29 September 2022

# Bahagian Subsidi dan Bekalan




AKTIVITI 1

## Majlis Pelancaran Logo Barang Kawalan dan Logo Barang Subsidi sempena Majlis Perhimpunan Bulanan

**19 Mei 2022, Dewan Serbaguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN)**

KPDNHEP telah memperkenalkan Logo Barang Kawalan dan Logo Barang Subsidi bermula 1 Julai 2021 dan telah diluluskan oleh Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 14 Julai 2021. Logo Barang Kawalan dan Logo Barang Subsidi akan digunakan pada produk tepung gandum, minyak masak dan gula dan akan diperluaskan kepada barang kawalan yang lain dari semasa ke semasa. Logo Barang Kawalan diperkenalkan bagi memberi kesedaran kepada pengguna akan hak-hak pengguna ke atas barang kawalan yang dilindungi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122]. Logo Barang Subsidi diperkenalkan bagi memberi pendedahan kepada pengguna akan barang subsidi yang disediakan oleh Kerajaan untuk meringankan kos sara hidup rakyat. Logo Barang Kawalan dan Logo Barang Subsidi juga telah dilancarkan oleh YB Menteri pada 19 Mei 2022.

Melalui Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 [P.U.(A) 103/1974) ("Peraturan ini") telah memperuntukkan bahawa semua pengilang, pemborong dan peruncit hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Pengawal di bawah Peraturan ini.

Melalui Arahan Pengawal Bekalan Bilangan 1 tahun 2023, mana-mana pemegang lesen barang kawalan berjadual ("lesen CSA") kategori runcit bagi produk Gula, Minyak Masak dan Tepung Gandum ("produk GMT") diarahkan untuk;

i. menyediakan rak khas bagi jualan barang kawalan dan subsidi; dan
ii. memaparkan logo dan poster barang kawalan dan barang subsidi pada rak tersebut.

Namun begitu, arahan perenggan di atas adalah terpakai kepada;

i. Semua pemegang lesen CSA kategori runcit produk Gula, Minyak masak dan Tepung gandum dengan had kuantiti simpanan di bawah 500kg bagi setiap item; dan
ii. Sebarang urus niaga atau penjualan barang-barang kawalan berjadual (Gula, Minyak masak dan Tepung gandum) dengan sebarang had kuantiti simpanan di luar premis perniagaan dengan kebenaran bertulis oleh Pengawal Bekalan.

Poster mengandungi maklumat saluran aduan sekiranya barang kawalan atau barang bersubsidi tiada pada rak yang dikhaskan.

Penggunaan poster dikuatkuasa bermula 1 Ogos 2022.

**AKTIVITI 2**

# Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM)

KProgram MKHMM dilaksanakan supaya harga minyak masak sawit dalam botol berasaskan kepada purata harga bulanan minyak sawit mentah (CPO).

Program ini telah dilaksanakan bermula 1 Ogos 2021 sehingga 31 Julai 2022. Melalui program ini, subsidi minyak masak sawit tulen diberikan dalam kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg. Selain itu, program ini turut diperkenalkan akibat kenaikan harga minyak sawit mentah yang mendadak melepasi RM3,700/ tan metrik sehingga menjejaskan harga jualan minyak sawit tulen dalam botol. Pelaksanaan Kawalan Harga Maksimum Minyak Masak dalam botol 1kg, 2kg, 3kg, 5kg dibuat melalui Seksyen 4, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Penetapan harga jualan runcit minyak masak dalam botol dibuat secara bulanan.

Program ini memastikan harga minyak masak dalam botol tidak melepasi RM30/5kg dengan pemberian subsidi.

program ini diperkenalkan akibat kenaikan harga minyak sawit mentah melepasi

**RM3,700/ tan metrik**

**AKTIVITI 3**

# Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS)

Program COSS memastikan rakyat dapat membeli minyak masak bersubsidi pada harga yang berpatutan. Harga minyak masak yang rendah memastikan kumpulan B40 tidak terbeban dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Program COSS telah diperkenalkan pada tahun 2007 dan ketika itu dibawah kawal selia Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC). Skim ini telah dipindahkan ke Kementerian ini pada 1 November 2016. Secara dasarnya, skim ini menyediakan 60,000 tan metrik minyak masak bersubsidi dalam kemasan polibeg 1kg setiap bulan pada harga subsidi RM2.50/kg. Sebanyak 350 syarikat pembungkus dan 21 syarikat kilang penapis menyertai program ini.

Program ini disertai oleh

**350 syarikat pembungkus** dan

**21 syarikat kilang penapis**

AKTIVITI 4

# Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak Berasaskan Harga Minyak Sawit Mentah (CPO)

Penetapan harga siling runcit secara bulanan bagi minyak masak sawit tulen dalam kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg adalah untuk memastikan harga minyak masak sawit tulen dalam kemasan botol dijual tidak melebihi harga yang ditetapkan dan untuk mengurangkan bebanan rakyat.

Susulan daripada keputusan Mesyuarat Khas Jihad menangani inflasi, penetapan harga siling runcit secara bulanan bagi minyak masak sawit tulen dalam kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg di seluruh Malaysia telah dilaksanakan bermula Ogos 2022 mengikut harga purata minyak sawit mentah (CPO) bagi bulan sebelumnya. Harga purata minyak sawit mentah CPO ditentukan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada setiap bulan beserta faktor-faktor lain yang berkaitan.



# Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan (SCOLP)

Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan (SCOLP) adalah ditanggungjawabkan untuk:

- Mengumpul, memantau, menganalisis dan melaporkan maklumat harga barangan negara;
- Menganalisis data dan maklumat berkaitan isu kos sara hidup;
- Menyelaras data raya Kementerian dan merumuskan dapatan daripadanya;
- Menyelaras dan menganalisis isu-isu kos sara hidup serta cadangan inisiatif menanganinya; dan
- Melaksanakan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming bagi membolehkan penduduk luar bandar dan pedalaman membeli tujuh barangan terpilih pada harga yang ditetapkan atau dikawal oleh Kerajaan.

Sektor ini terbahagi kepada tiga Bahagian iaitu:

1. **Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN);**
2. **Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED); dan**
3. **Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)**

## Bahagian Harga Barangan Negara

Bahagian Harga Barangan Negara (BHBN) bertanggungjawab untuk melaksanakan dua fungsi utama iaitu **Program Pemantauan Harga** dan **Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* (Program Penyeragaman Harga)**.

## Aktiviti Utama BHBN Tahun 2022

**1. PROGRAM PEMANTAUAN HARGA**

Program Pemantauan Harga dilaksanakan sejak tahun 2008 untuk mewujudkan satu mekanisme pemantauan harga dan pangkalan data bagi menangani isu-isu kenaikan harga barangan keperluan pengguna supaya harga barangan adalah stabil di pasaran. Pemantauan harga dilaksanakan oleh lebih 900 Pegawai

Pemantau Harga (PPH) di seluruh negara dengan objektif utama hasil pelaksanaan program adalah seperti berikut:

a. Merangka polisi dan strategi berkaitan harga terutama Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP);
b. Menguatkuasakan antipencatutan lebih bersasar; dan
c. Mendayaupaya pengguna.

Program pemantauan harga ini melibatkan 480 item keperluan pengguna dengan perincian seperti berikut:

| Jenis Pemantauan | Bil. Item | Kekerapan/Hari | Bil. Premis |
|---|---|---|---|
| *Price Watch* Harian | 186 | 350 | 922 |
| *Price Watch* Mingguan | 220 | 52 | 1,489 |
| *Price Watch* Bulanan | 74 | 13 | |
| **Jumlah** | **480** | | |

*Kutipan data harga runcit

Berdasarkan pemantauan harga yang dilaksanakan oleh PPH, pelaporan analisis harga yang disediakan adalah seperti berikut:

**JENIS PELAPORAN**

| Jenis Laporan | Nama Laporan | Bil. Laporan | *Stakeholder* |
|---|---|---|---|
| **RUTIN** | Laporan *Price Alert* Harian | 344 | Pengurusan Tertinggi Kementerian, Bahagian berkaitan dan KPDNHEP Negeri |
| | Laporan *Price Alert* Mingguan | 52 | |
| | Laporan *Price Alert* Bulanan | 12 | |
| | Laporan *Dashboard* Harian 10 Item Terpilih | 232 | Pengurusan Tertinggi Kementerian |
| | Laporan Minyak Masak Harian | 146 | Sektor Barang Kawalan dan Subsidi |
| | Laporan Minyak Masak Mingguan | 52 | |
| | Laporan Kedudukan Harga Barangan Bagi Penetapan SHMMP | 5 | Bahagian Penguat Kuasa |
| | Laporan *Price Alert* Tahunan | 1 | Pengurusan Tertinggi Kementerian, Bahagian berkaitan dan Negeri |
| **LAIN-LAIN** | Berdasarkan isu semasa dan keperluan Stakeholder | Melebihi 200 | • Bahagian Dalaman Kementerian<br>• Kementerian/Agensi Luar/ IPT/ Media dan Lain-lain |




Pemantauan harga makanan di Bazar Ramadan Putrajaya



Pemantauan harga barangan di pasaraya sekitar Putrajaya






Pemantauan harga barangan di pasar basah dan pasaraya di Putrajaya

## 2. PROGRAM ADVOKASI APLIKASI *PRICECATCHER* DI SELURUH NEGARA

**Aplikasi *PriceCatcher*** membolehkan pengguna membuat perancangan perbelanjaan secara berhemah dan mendapatkan barangan keperluan pada harga yang berpatutan. Melalui aplikasi ini, pengguna boleh menyemak dan membandingkan harga bagi lebih 400 barangan yang merangkumi barangan segar, barangan kering, barangan berbungkus/tin/pek/kotak/botol, susu dan barangan bayi, produk kebersihan dan minuman.

Promosi aplikasi *PriceCatcher* ini giat dijalankan supaya pengguna lebih bermaklumat terhadap harga barangan di pasaran, melibatkan program advokasi di pelbagai program dalaman Kementerian serta anjuran Kementerian/jabatan dan agensi luar. Sepanjang tahun 2022, Kementerian telah melaksanakan 490 program advokasi dengan pencapaian muat turun aplikasi berjumlah 237,105.

Kementerian telah melaksanakan
**490 program advokasi**
dengan pencapaian **muat turun aplikasi berjumlah**
**237,105**



Booth *PriceCatcher* di Program Kita Pengguna Tahun 2022 pada 26 hingga 28 Ogos 2022 di Pusat Beli-Belah, MyTOWN Cheras, Kuala Lumpur





Booth *PriceCatcher* di Seminar Berpacukan Data Sektor Awam (BDSA) pada 16 Ogos 2022 anjuran MAMPU di PICC, Putrajaya







Booth PriceCatcher di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 pada 14 hingga 22 Ogos 2022 di MAEPS, Serdang, Selangor

## 3. PROGRAM PENGEDARAN BARANG PERLU, LPG DAN COMMUNITY DRUMMING (PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA)

Kerajaan mendapati penduduk yang **tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman terpaksa membayar harga yang tinggi** bagi mendapatkan barangan keperluan berbanding penduduk di kawasan bandar dan pekan disebabkan kos pengangkutan yang tinggi kerana jarak yang jauh ke kawasan terpencil dan melalui jalan yang sukar seperti laluan balak, sungai, jeram dan lain-lain.

Sehubungan itu, Kerajaan memperkenalkan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* atau lebih dikenali sebagai Program Penyeragaman Harga pada 2009 bagi membolehkan penduduk membeli barangan tersebut pada harga kawalan atau harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Melalui program ini, Kerajaan menanggung kos pengangkutan bagi tujuh barangan bersubsidi/ kawalan iaitu beras, gula, minyak masak paket 1 kg, tepung gandum, Gas Petroleum Cecair atau LPG, Petrol RON95.

Pada tahun 2022, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi pelaksanaan Program ini di enam buah negeri iaitu Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pelaksanaan program tahun 2022 ini melibatkan 190 zon dan 797 kawasan pengedaran dan sebanyak 1.14 juta penduduk telah mendapat manfaat daripada program ini. Bagi memastikan barang dijual pada harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, Kementerian sentiasa melaksanakan naziran di Point of Sales (POS) yang terlibat dengan program ini.




Lawatan Tapak Oleh YBhg. Datuk TKSU (PDN), KPDNHEP Ke Program Pengedaran Barang Perlu, LPG Dan *Community Drumming* (Program Penyeragaman Harga) Di Miri-Marudi-Mulu, Sarawak pada 17 hingga 20 Februari 2022




Tinjauan terhadap penyimpanan tong CD di POS Robert Ipoi, Mulu, Sarawak



Lawatan di POS Chew Kok Chin di kawasan pengedaran Pekan Kuala Tatau, Bintulu, Sarawak




Bengkel Prosedur Operasi Standard (SOP) Program Penyeragaman Harga di Hotel Movenpick, Sepang, Selangor pada 29 September hingga 1 Oktober 2023

# Bahagian Analisis Ekonomi Dan Data Strategik

**Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED)** dipertanggungjawabkan untuk pembangunan data raya Kementerian serta pengurusan data-data Kementerian selaras dengan hasrat menjadi Kementerian yang menggunakan pendekatan berpandukan data dalam membuat keputusan (*data driven approach*). Selain itu, Bahagian ini juga dipertanggungjawabkan sebagai urus setia tetap bagi Mesyuarat Kerjasama Strategik Antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

## Pencapaian Utama BAED Tahun 2022

**i. Mesyuarat Kerjasama Strategik Antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) & Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS)**



Mesyuarat Kerjasama Strategik antara KPDNHEP dan MAFS merupakan *platform* bersesuaian bagi membincangkan isu-isu yang menjadi kegusaran pengguna seperti keberadaan bekalan makanan serta kenaikan harga makanan yang secara langsung meningkatkan kos sara hidup. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha kedua-dua Kementerian. Isu-isu yang dibincangkan dalam *platform* mesyuarat ini, antara lainnya seperti:

i. Inisiatif/cadangan yang boleh diterokai secara bersama berhubung kelangsungan bekalan makanan serta jaminan harga yang adil dan berpatutan kepada semua;
ii. Kerjasama dalam aspek penguatkuasaan, pemantauan dan kutipan harga; dan
iii. Perkongsian maklumat dan data mengenai bekalan dan harga bagi item/barangan spesifik yang menjadi pilihan pengguna;

Bagi tahun 2022 sebanyak dua kali mesyuarat telah diadakan iaitu pada 09 Jun 2022 dan 09 Disember 2022. Selain mesyuarat peringkat KSU, Mesyuarat Kerjasama Strategik antara KPDNHEP dan MAFS yang dipengerusikan oleh YB Menteri kedua-dua kementerian juga telah diadakan pada 13 Disember 2022 bagi membincangkan mengenai isu bekalan telur dan kenaikan harga input pertanian.

**ii. Mesyuarat Pemurniaan Garis Panduan Pelaksanaan Perkongsian Data dan Pengemaskinian Elemen Data Generik KPDN di Dalam Sistem *Data Dictionary* Sektor Awam (SDDSA)**

BAED telah menganjurkan Mesyuarat Pemurnian Garis Panduan Pelaksanaan Perkongsian Data dan Pengemaskinian Elemen Data Generik KPDNHEP di dalam Sistem *Data Dictionary* Sektor Awam (SDDSA) pada 18 hingga 20 Ogos bertempat di Swiss-Garden Hotel & Residences Genting Highlands, Pahang yang bertujuan untuk membincangkan secara komprehensif tiga (3) aspek tadbir urus data Kementerian iaitu:

i. Garis Panduan Pelaksanaan Perkongsian Data KPDN;
ii. Data terbuka kementerian yang dimuat naik di Portal Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) di bawah seliaan MAMPU; dan
iii. Elemen Data Generik KPDNHEP di dalam Sistem *Data Dictionary* Sektor Awam (SDDSA) di bawah seliaan MAMPU.

Oleh itu, pelaksanaan mesyuarat adalah untuk mencapai objektif yang telah dirancang seperti berikut:

i. Pemakluman awal kepada bahagian akan pelaksanaan Garis Panduan Pelaksanaan Perkongsian Data KPDNHEP serta membincangkan dan memurnikan draf garisan panduan tersebut;
ii. Mengemas kini editor (*focal person*) setiap Bahagian dan mengenal pasti data bahagian/agensi yang boleh diklasifikan sebagai data terbuka bagi tujuan perkongsian di dalam Portal Data Terbuka Sektor Awam;
iii. Mengemas kini dan mendapatkan input Bahagian mengenai data strategik Kementerian secara menyeluruh; dan
iv. Mengemas kini dan membincangkan mengenai Elemen Data Generik KPDNHEP di dalam Sistem Data *Dictionary* Sektor Awam (SDDSA).






Bagaimana anda berbelanja?

Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019 (HES 2019)

Trend perbelanjaan isi rumah

Makanan di luar rumah yang popular

**iii. Artikel: "Corak Perbelanjaan Makan Di Luar Rumah Rakyat Malaysia"**

BAED telah menerbitkan satu artikel bertajuk "Corak Perbelanjaan Makan di Luar Rumah Rakyat Malaysia" yang menggunakan Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019 (*Household Expenditure Survey-HES* 2019) dan data siri masa Indeks Harga Pengguna (IHP) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai rujukan utama. Artikel ini telah disiarkan secara *printing* dan digital di Surat Khabar Sinar Harian bertarikh 17 November 2022.

Penerbitan artikel ini bertujuan untuk memberi advokasi kepada pengguna mengenai kos makanan di luar rumah yang semakin meningkat agar pengguna dapat merancang perbelanjaan isi rumah dengan lebih bijak.

Intipati artikel ini mengupas mengenai corak perbelanjaan isi rumah di Malaysia, khususnya bagi perbelanjaan untuk makan di luar rumah, selain meneliti faktor-faktor signifikan yang boleh mempengaruhi kecenderungan isi rumah di Malaysia untuk makan di luar. Artikel ini meneliti trend Indeks Harga Pengguna (IHP) dan inflasi bagi kelas perbelanjaan makan di luar rumah yang popular di kalangan pengguna untuk melihat sama ada aspek harga mempengaruhi corak perbelanjaan isi rumah untuk makan di luar.

# SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA

**Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)** ditubuhkan bertujuan untuk menangani isu dan cabaran kenaikan kos sara hidup rakyat dengan lebih berkesan melalui kerjasama strategi kementerian, pihak awam, swasta dan NGO.

## LATAR BELAKANG

Sepanjang tahun 2022, Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara telah mengadakan beberapa mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Eksekutif dan Tertinggi. Rekod bilangan mesyuarat yang dilaksanakan dan melibatkan Sekretariat NACCOL adalah seperti berikut:

i. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara – enam kali mesyuarat
**ii.** Mesyuarat Peringkat Tertinggi – lima kali mesyuarat
iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi – 21 kali mesyuarat

**Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara**

Pengerusi
Perdana Menteri

Bilangan Mesyuarat
**5 kali**

**Urus setia Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara**

**Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi**

↑

**diganti**

**Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara**

**Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi Negara**

Pengerusi
Menteri Komunikasi dan Digital

Bilangan Mesyuarat
**21 kali**

**Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara Negara**

Pengerusi Bersama
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Ketua Setiausaha Negara

Bilangan Mesyuarat
**6 kali**

## Pembentangan Kertas

Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara

**22 kertas**

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi

**21 kertas**

## Kertas Pembentangan Utama

- Cadangan Kenaikan Kadar Tambang Feri bagi Sektor Langkawi oleh Kementerian Pengangkutan
- Kedudukan Inflasi Semasa dan Kesan Kepada Isi Rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia
- Cadangan Mekanisme Penetapan Harga Minyak Masak di bawah Kaedah Harga Dua Peringkat (Two-tier Pricing) oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
- Peranan Koperasi dalam Menangani Kenaikan Harga Barangan Keperluan Asas Rakyat oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- Pelaksanaan Jualan Murah Keluarga Malaysia @ De Dagang (De Dagang) oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (Malaysia Digital Economy Corporation) dan Jualan Murah Keluarga Malaysia Siswa (JMKMSiswa) oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)













# Aktiviti-aktiviti Utama Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Tahun 2022

## 1. Sesi Libat Urus Melibatkan Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)

Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah terlibat di dalam beberapa siri sesi libat urus bagi membincangkan terutamanya mengenai isu kos sara hidup dan sekuriti makanan negara. Siri sesi libat urus adalah seperti berikut:

**i. Lawatan Kerja Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri ke Switzerland**

**Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri** telah menganjurkan lawatan kerja ke Switzerland pada 26 hingga 29 September 2022. Lawatan kerja tersebut telah disertai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan), Pengarah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara dan Penolong Pengarah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Objektif lawatan kerja ini adalah untuk mendalami konsep sekuriti makanan dan dominasi rangkaian pembekalan oleh *Food and Agricultural Organization* (FAO), serta membincangkan senario kenaikan kos sara hidup rakyat di serata dunia.

Sepanjang lawatan, delegasi KPDNHEP telah dibawa melawat ke ***United Nation Food and Agricultural Organization*** (FAO) di Geneva, Switzerland, lawatan ke **syarikat Nestle** di Vevey, Switzerland, dan **syarikat Phillip Morris International Inc. (PMI)** di Neuchatel, Switzerland. Selain itu, delegasi KPDNHEP juga telah menghadiri lawatan ke **World Trade Organization (WTO)**, dan **Inter-Parliamentary Union (IPU)** yang terletak di Geneva, Switzerland.

Lawatan ini memberi fokus kepada situasi semasa mengenai isu keselamatan makanan dunia, pasaran pertanian global dan kenaikan harga makanan dan baja, transformasi sistem agromakanan, serta kesan perubahan cuaca dan konflik Ukraine-Rusia terhadap keterjaminan makanan dunia.

**ii. Sesi Dialog Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenai Isu-isu Harga dan Bekalan**

Selaras dengan usaha untuk menangani isu kenaikan harga barang dan bekalan, KPDNHEP telah menganjurkan satu sesi dialog pada 21 Jun 2022, dan telah mengenal pasti beberapa cadangan dan isu berbangkit yang memerlukan pemerhatian dan tindakan kementerian yang berkaitan antaranya seperti berikut:



Antara yang terlibat adalah pemain industri sektor peruncitan seperti Lotus's Stores (Malaysia) Sdn. Bhd., Lulu Group Retail Sdn. Bhd., Mydin Mohamed Holdings Bhd., The Store Corporation Sdn. Bhd., *Malaysia Retailers Association* (MRA), *Federation of Malaysia Manufacturers* (FMM), Persatuan Perdagangan dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA), *Malaysian Edible Oil Manufacturers Association* (MEOMA), persatuan pengguna, ahli akademik dan pengamal media mengenai isu yang berkenaan.







**Lain-lain sesi libat urus sepanjang Januari hingga Disember 2022**

| | PROGRAM | TARIKH |
|---|---|---|
| **SESI LIBAT URUS** | Sesi Perbincangan Mengenai Rumah Mampu Milik bagi Golongan Berpendapatan Rendah B40 oleh *Better Malaysia Foundation* (BMF) | 17 Mac 2022 |
| | Mesyuarat bagi Membincangkan Isu Keperluan Tambahan Subsidi Harga Ayam dan Telur Ayam Semasa Pelaksanaan Program Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia | 10 Mei 2022 |
| | Sesi Libat Urus Bersama MSM (M) Holdings Berhad dan Central Sugar Refinery Sdn Bhd | 12 Mei 2022 |
| | Mesyuarat Penetapan Mekanisme Laporan Status Pelaksanaan dan Kenaikan Harga Barang | 13 Jun 2022 |
| | Mesyuarat Membincangkan Tindakan Bagi Isu Kenaikan Harga | 16 Jun 2022 |
| | Mesyuarat Khas Isu Bekalan Ayam | 25 Jun 2022 |
| | Sesi Libat Urus Bersama Industri Perbankan Mengenai Agenda Kos Sara Hidup | 20 Julai 2022 |
| **PROGRAM BUAL BICARA** | Program Bual Bicara Mengenai Kos Sara Hidup | 28 Mac 2022 |
| | Ruang Bicara Bahas: Subsidi Kos Sara Hidup anjuran BERNAMA | 6 Julai 2022 |
| | Ruang Bicara: Kos Sara Hidup Tinggi Fenomena Global anjuran BERNAMA | 9 Ogos 2022 |
| | Webinar Refleksi Ekonomi: Menangani Cabaran Kos Sara Hidup Keluarga Malaysia anjuran INTAN | 20 September 2022 |
| | Ruang Bicara: Kos Sara Hidup Keutamaan Kerajaan Perpaduan anjuran BERNAMA | 7 Disember 2022 |



## 2. Pelaksanaan Bengkel oleh Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Tahun 2022

### i. Bengkel Pembangunan Indeks Kos Sara Hidup (*Cost of Living Index*, CLI)

Satu bengkel telah diadakan pada 15 dan 16 April 2022 di Kuala Lumpur bagi membincangkan mengenai kerangka strategik yang sesuai untuk membangunkan indeks kos sara hidup sebagai indikator kepada kos sara hidup rakyat Malaysia. Mesyuarat ini melibatkan **Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), *Social Wellbeing Research Center* (SWRC) Universiti Malaya (UM), dan juga pakar dalam bidang kos sara hidup dan pembangunan indeks.**





### ii. Bengkel Bagi Membincangkan Kaedah Serta SOP *Green Lane* untuk Pengimportan Bawang dan Pemerkasaan Pengguna

Bengkel bagi Membincangkan Kaedah Serta SOP *Green Lane* untuk Pengimportan Bawang dan Pemerkasaan Pengguna telah diadakan pada 17 hingga 18 Jun 2022 bertempat di Pulau Pinang dan bertujuan untuk membincangkan dengan lebih terperinci mengenai isu pelepasan bawang di pelabuhan. Antara kementerian dan agensi yang terlibat adalah **Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KASTAM), dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.**



**iii. Pelaksanaan Program *Outreach* Sara Hidup dan Kepenggunaan bersama Isi Rumah B40**

Program *Outreach* Sara Hidup dianjurkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertujuan untuk mendekati isi rumah daripada golongan berpendapatan rendah B40 untuk membantu mengenal pasti isu-isu berkaitan kos sara hidup rakyat. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta untuk membantu meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah B40 bagi mendapatkan barangan keperluan asas pada harga berpatutan. Selain itu, NACCOL juga berhasrat untuk memperkasakan penggunaan transaksi tanpa tunai melalui perkhidmatan e-dompet seperti **GrabPay, ShopeePay, Touch 'n Go eWallet** dan **Boost**. Di samping itu juga, program ini turut melibatkan rakan strategik seperti **MyGrocer, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Perbadanan Harta Intelek (MyIPO), dan Yayasan Foodbank Malaysia (Foodbank), serta Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).**

NACCOL telah melaksanakan beberapa Program *Outreach* Sara Hidup di negeri-negeri terpilih seperti **Sarawak, Sabah, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kuala Lumpur, Perlis, Pahang dan Terengganu. Sebanyak 5,016 orang penerima bagi bantuan barangan keperluan asas dan bantuan tanpa tunai e-wallet** yang terdiri daripada isi rumah berpendapatan rendah B40 dan juga pelajar.




Perlis
29-30 Jun
200 penerima
Terengganu
3-5 November
979 penerima
Bera, Pahang
23-24 Jun
1500 penerima
Program Ziarah Kasih
Ramadan 1443H,
PPR Lembah Subang 2,
Petaling Jaya
22 April
500 penerima
Sarawak
8-12 November
1337 penerima
Wilayah Persekutuan
Labuan, Sabah
18-19 April
200 penerima
Sandakan, Sabah
26-27 Mei
300 penerima


KEPENGGUNAAN
KELUARGA MALAYSIA

# Tribunal Rayuan Persaingan

## Pengenalan

**Laporan Pengarah**

TRP telah menyambut ulang tahun ke-10 penubuhannya pada tahun 2022 dan sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 42 Notis Rayuan telah difailkan di TRP berbangkit daripada 10 keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Persaingan. Sebanyak 37 Notis Rayuan berkenaan telah pun diselesaikan dan berbaki 5 Notis Rayuan melibatkan 1 Notis Rayuan bagi kes *Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.* (dakwaan penyalahgunaan kuasa dominan) dan 4 Notis Rayuan melibatkan kontrak ASWARA (dakwaan *bid rigging*)

### A. Pendengaran Kes Rayuan di TRP

Sepanjang 2022, prosiding kes di TRP telah dijalankan secara *online* sepenuhnya. Pada tahun ini, TRP telah mendengar dan memutuskan 2 kes rayuan penuh, 3 permohonan penggantungan terhadap keputusan Suruhanjaya Persaingan sementara menunggu rayuan, 1 permintaan Perayu untuk Panel menarik diri dari meneruskan pendengaran rayuan penuh dan 1 permohonan bantahan yang dibuat oleh Suruhanjaya Persaingan terhadap pemfailan Notis Rayuan di luar tempoh masa.

**Tribunal Rayuan Persaingan (TRP)** adalah **badan separa kehakiman** (*quasi-judicial*) yang mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk **mendengar rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya Persaingan** berkaitan seksyen 35, 39 dan 40 Akta Persaingan 2010.



PROSIDING KES TRP SECARA *ONLINE* KES PERSATUAN INSURANS AM MALAYSIA (PIAM) & 23 YANG LAIN v SURUHANJAYA PERSAINGAN (RAYUAN PENUH)



PROSIDING KES TRP SECARA *ONLINE* KES LANGKAWI RO-RO FERRY SERVICES SDN. BHD. & 4 YANG LAIN v SURUHANJAYA PERSAINGAN (RAYUAN PENUH)

### B. Pelaporan Alasan Keputusan TRP Dalam Jurnal Perundangan

Sehingga penghujung tahun 2022, terdapat lima (5) Alasan Keputusan TRP telah dilaporkan dalam jurnal perundangan di Malaysia iaitu:

a. MAS & AirAsia v. Suruhanjaya Persaingan [2016] MLJU 903;
b. CHUBB *Insurance* (M) Berhad & Ors v. *Competition Commission* [2021] 11 MLJ 189;
c. Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) & 23 Yang Lain v Suruhanjaya Persaingan [2022] 9 CLJ 268;
d. Langkawi Ro-Ro *Ferry Services* Sdn. Bhd. & Ors v. *Competition Commission* [2022] MLJU 2900; dan
e. Venture Nucleus (M) Sdn. Bhd. v. *Competition Commission* [2022] MLJU 3094

*Current Law Journal* (CLJ) dan *Malaysian Law Journal* (MLJ) pada kebiasaannya hanya melaporkan keputusan kes Mahkamah dan belum ada lagi keputusan oleh Tribunal lain di Malaysia dilaporkan di dalam jurnal perundangan tersebut. Oleh itu, pelaporan Alasan Keputusan TRP oleh jurnal perundangan berkenaan jelas menunjukkan bahawa keputusan TRP menjadi autoriti yang penting dalam undang-undang persaingan Malaysia.

### C. Bengkel Tribunal Rayuan Persaingan 2022

Bengkel ini yang diketuai oleh Presiden TRP, YA Dato' Dr. Choo Kah Sing dan dihadiri oleh anggota-anggota TRP telah membincangkan berkenaan perkara-perkara berikut:

a. *Framework of the Competition Act 2010;*
b. *Application of the prohibition in Section 4 and 10 including the exclusion; and*
c. *Legal proposition sets out by the Court of Appeal in MAS & AirAsia v. Competition Commission*

Bengkel ini yang telah diadakan bersekali dengan Mesyuarat TRP Bil. 2/2023 telah menjadi suatu platform untuk anggota-anggota TRP saling bertukar pandangan dan pengetahuan mengikut kepakaran masing-masing sama ada dari aspek perundangan mahupun ekonomi berkenaan isu-isu yang telah dibangkitkan di dalam kes-kes rayuan TRP dan berkenaan prosiding TRP secara keseluruhannya.

Secara keseluruhannya bengkel yang diadakan ini telah berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan iaitu untuk meningkatkan kefahaman anggota-anggota mengenai pengendalian kes rayuan di TRP mengikut kehendak Akta Persaingan 2010 dan Peraturan-peraturan Persaingan (Tribunal Rayuan) 2017.



PROGRAM ADVOKASI TRP DI YAYASAN PEMBANGUNAN USAHAWAN TERENGGANU PADA 20 JANUARI 2022



PROGRAM ADVOKASI TRP DI *CONSUMER FRONT OF* SABAH (CFOS) PADA 24 JANUARI 2022



PROGRAM ADVOKASI TRP DI KPDNHEP CAWANGAN SABAH PADA 25 JANUARI 2022



PROGRAM ADVOKASI TRP DI PERSATUAN USAHAWAN BERSATU IPOH (PUBI) PADA 25 FEBRUARI 2022



PROGRAM ADVOKASI TRP DI DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA (DPMM) KELANTAN PADA 30 MEI 2022



PROGRAM ADVOKASI TRP SECARA *ONLINE* DENGAN PELAJAR FAKULTI UNDANG-UNDANG UITM SHAH ALAM PADA 14 JUN 2022




PROGRAM ADVOKASI TRP DI PERBADANAN USAHAWAN JOHOR BERHAD (PUJB) PADA 26 JUN 2022



BENGKEL PENDIGITALAN PERKHIDMATAN TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN BIL. 1/2022
DI PULSE GRANDE HOTEL, PUTRAJAYA PADA 4 JULAI 2022

**D. Program Advokasi TRP**

TRP telah melaksanakan sebanyak sepuluh (10) Program Advokasi TRP sepanjang tahun 2022. Program Advokasi yang dijalankan melibatkan pelbagai pihak antaranya pihak industri, jabatan dan agensi kerajaan serta organisasi bukan kerajaan (NGO). Matlamat utama Program Advokasi TRP adalah untuk memberikan pendedahan berkenaan undang-undang persaingan di Malaysia dan menyebarkan maklumat berhubung penubuhan, struktur organisasi, fungsi dan bidang kuasa TRP serta tatacara pemfailan dan pendengaran kes-kes rayuan di TRP.

**E. Bengkel Pendigitalan Perkhidmatan Tribunal Rayuan Persaingan Bil. 1/2022**

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan penerangan terperinci berkaitan pendigitalan perkhidmatan yang dilaksanakan di Mahkamah (sistem e-Kehakiman) dan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) (sistem e-Tribunal) bagi kajian perbandingan dan amalan terbaik untuk sistem e-CAT yang akan dibangunkan di TRP. Bengkel ini secara keseluruhannya telah dapat memberikan input yang berguna dan bermanfaat kepada TRP dalam usaha untuk melaksanakan pendigitalan perkhidmatan TRP selaras dengan hala tuju Pendigitalan Perkhidmatan KPDNHEP secara *End-to-End* dan *Big Data* menjelang 2024.

# Penutup

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2022, TRP telah berjaya mencapai objektif penubuhannya dan melaksanakan fungsi utamanya iaitu menjalankan proses pendengaran rayuan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta 712. Selain daripada itu, penyebaran dan perkongsian maklumat berkenaan TRP terus dijalankan dengan pelaksanaan program-program advokasi.



MESYUARAT TRP BIL. 2/2022 DI HOTEL MAJESTIC, KUALA LUMPUR PADA 26 NOVEMBER 2022

# PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA






# Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK)

## Pengenalan

Bahagian Gerakan Kepenggunaan (BGK) merupakan satu bahagian teras di kementerian yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti kesedaran kepenggunaan serta perlindungan pengguna melalui penyaluran aduan. Aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh BGK dapat meningkatkan kesedaran dan perlindungan pengguna melalui latihan dan pendidikan kepenggunaan dan penyediaan sumber maklumat yang berkaitan.

Program kepenggunaan yang dijalankan ini merangkumi pelbagai peringkat umur dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Penglibatan pelajar sekolah dan universiti secara tidak langsung dapat membangunkan gerakan kepenggunaan yang lebih berkesan dan menguruskan aduan pengguna secara efisien.

Selain itu, program kepenggunaan dijalankan bertujuan untuk membantu masyarakat dalam meningkatkan pengetahuan kepenggunaan dan mempunyai kesedaran untuk menyalurkan aduan berkaitan kepenggunaan.

## Aktiviti dan Pencapaian Utama 2022

PROGRAM 1 (BGK)

# Hari Pengguna Kebangsaan (HPK) Tahun 2022

Tema bagi sambutan HPK 2022 kali ini iaitu 'Digitalisasi Pengguna' merangkumi keseluruhan aspek kepenggunaan dalam dunia digital pada hari ini, bukan sahaja literasi kewangan digital malah dari sudut keselamatan dan perlindungan pengguna daripada sebarang ancaman melalui digital seperti scam, penggodam dan sebagainya.

Pada 16 Mac 2022, Sambutan Hari Hak-hak Pengguna Sedunia telah diadakan bersama-sama Majlis Pelancaran Program Advokasi Kepenggunaan Melalui Medium Pengangkutan Awam MRT yang telah diadakan di Stesen MRT Kajang, Selangor dan dirasmikan oleh YB Menteri. Sambutan kemuncak HPK 2022 telah diadakan pada 26 Mac 2022 (Sabtu) di NU Sentral, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada ketika itu, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Pelaksanakan HPK 2022 ini melibatkan 6 aktiviti utama iaitu:

i. Pembukaan booth pameran
ii. Aktiviti di pentas utama
iii. Cabaran Troli Pengguna
iv. *Consumer Mall Hunt*
v. e-*Sport* Kepenggunaan

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan merangkumi penyertaan segenap lapisan masyarakat dan pemilihan tema-tema kepenggunaan yang berkait rapat dengan pengguna.






PROGRAM 2 (BGK)

# Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP KPS) 2022

**64 orang pelajar** **daripada 16 buah sekolah** menengah yang merupakan **pemenang CIP KPS Peringkat Negeri** masing-masing







Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIP KPS) merupakan program tahunan anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang melibatkan penyertaan ahli-ahli Kelab Pengguna Sekolah (KPS) di seluruh negara.

CIP KPS menggunakan konsep pertandingan ala *explorace* yang mendidik, menyebar luas dan meningkatkan tahap kesedaran pengetahuan kepenggunaan ahli-ahli KPS melalui pendekatan yang interaktif dan bersepadu.

CIP KPS 2022 Peringkat Negeri telah dijalankan oleh KPDN Negeri mulai bulan Julai sehingga Oktober 2022. Seterusnya, CIP KPS 2022 Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 17 Oktober 2022 sehingga 19 Oktober 2022 di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu. Pertandingan ini telah melibatkan penyertaan 64 orang pelajar daripada 16 buah sekolah menengah yang merupakan pemenang CIP KPS Peringkat Negeri masing-masing.

Tema CIP KPS pada tahun 2022 adalah *"Local"*. Seiring dengan tema ini, setiap kumpulan yang bertanding telah menjalankan aktiviti dan permainan tradisional terlebih dahulu sebelum menjawab soalan.

PROGRAM 3 (BGK)

# Majlis Perdana Gerakan Pengguna Siswa (MPGPS)




Gerakan Pengguna Siswa (GPS) merupakan salah satu medium penting KPDNHEP dalam menyebarluaskan lagi maklumat dan pendidikan kepenggunaan kepada golongan siswa IPT. MPGPS telah diadakan di Universiti Teknologi Mara Cawangan Arau, Perlis pada 28-30 Jun 2022 merangkumi program-program seperti berikut:

i. Sesi *pocket talk* bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
ii. Pertandingan Cabaran Intelektual Pengguna Gerakan Pengguna Siswa
iii. Sesi lawatan ke Giant Kangar bersama Penguatkuasa KPDNHEP Perlis
iv. Sesi dialog bersama Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
v. Pelancaran logo advokasi kepenggunaan dan maskot KPDNHEP

Seramai 182 peserta iaitu peserta MPGPS menghadiri program ini. Pertandingan Cabaran Intelektual Pengguna Gerakan Pengguna Siswa (CIPGPS) 2022 yang berkonsepkan explorace yang pertama kali dijalankan melibatkan kesemua 182 peserta GPS dan penambahan 10 peserta tambahan dari UiTM Arau.

MPGPS telah Berjaya mencapai objektif dengan memberi pencerahan kepada pelajar tentang peluang mereka dalam menceburi bidang perniagaan. Selain itu, MPGPS memberi pendedahan kepada pelajar mengenai tugasan dan peranan pasukan penguatkuasa KPDNHEP.

Seramai
**182 peserta**
iaitu **MPGPS** menghadiri program ini








# Bahagian Penyelidikan & Dasar Kepenggunaan

PROGRAM 1 (BPDK)

## Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN)

MPPN ditubuhkan di bawah Seksyen 73, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP 1999) berperanan sebagai penasihat kepada YB Menteri dan dianggotai oleh pemegang taruh daripada pelbagai sektor yang mewakili pengguna seperti persatuan pengguna, wakil industri, media dan ahli akademik.

DATA/STATISTIK: FAKTA MPPN

**2 kali Mesyuarat MPPN** pada 16 Jun 2022 dan 2 November 2022

**6 kali Mesyuarat Focus Group**

**Fokus Utama MPPN Tahun 2022**

- Peningkatan kos sara hidup seperti kekurangan bekalan ayam dan telur ayam di pasaran dan caj pemotongan
- Penipuan *scammer* dan pemberi pinjam wang tidak berlesen
- Pembangunan e-dagang di Malaysia
- Akta Perlindungan Pengguna 1999- Seksyen 42 berkaitan penggantian kenderaan & Lemon Law
- Meningkatkan advokasi kesihatan awam





PROGRAM 2 (BPDK)

# Jawatankuasa Pengiklanan

Jawatankuasa Pengiklanan ditubuhkan di bawah Seksyen 84A, Bahagian XIA Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP 1999) sebagai platform untuk Kementerian, Agensi dan NGO Kepenggunaan untuk berkongsi atau memberikan penjelasan mengenai isu-isu pengiklanan di bawah kawal selia masing-masing. Penubuhan Jawatankuasa ini telah membuka peluang kerjasama dan penambahbaikan dalam pembetukan garis panduan, peraturan dan perundangan berkaitan pengiklanan di samping meningkatkan keupayaan pelaksaan tindakan proaktif dalam membendung iklan palsu atau mengelirukan di negara ini.

**4 kali Mesyuarat seperti berikut:**

- Bil. 1 Tahun 2022 : 8 Februari 2022
- Bil. 2 Tahun 2022 : 25 Julai 2022
- Bil. 3 Tahun 2022 : 17 Oktober 2022
- Bil. 4 Tahun 2022 : 1 November 2022

**Fokus Utama Jawatankuasa Pengiklanan**

- Pengiklanan dan Penjualan Produk Makanan Sediaan Di Rumah (*Home-Based Food*)
- Panduan Pengiklanan oleh Selebriti
- Kod Pengiklanan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
- Isu Pengiklanan Menggunakan Pendekatan *Greenwashing*
- Pelaksanaan Projek Rintis Dengan Kerajaan Negeri Melaka Berkaitan Papan Iklan Palsu atau Mengelirukan
- Landskap Pengiklanan di Malaysia



Sesi Kunjungan Hormat YBhg. Datin TKSU (PPP) Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengiklanan Kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka




Sesi Libat Urus Jawatankuasa Pengiklanan Dengan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)

# Pelaksanaan Kajian

PROGRAM 3 (BPDK)

## Kajian Semakan Semula Dasar Pengguna Negara (DPN)

Tujuan kajian adalah untuk mengkaji semula DPN dan Pelan Tindakan Pengguna (PTP) sedia ada dalam menghasilkan DPN 2.0 dan PTP baharu agar terus kekal relevan dengan keadaan sosioekonomi semasa negara.

DATA/STATISTIK: FAKTA KAJIAN SEMAKAN SEMULA DPN

Perunding **UPM *Consultancy & Services* Sdn. Bhd.**

Output **10 laporan telah dihasilkan iaitu**

- Laporan Insepsi
- Laporan Pencapaian DPN dan PTP
- Laporan Kajian Perbandingan
- Laporan Interim 1 – 3
- Draf Awal DPN
- Draf Akhir DPN
- Draf Awal PTP
- Draf Akhir PTP

**Fokus Utama Kajian Semakan Semula DPN**

- Input kajian digunakan untuk pembentukan DPN 2.0 yang menjadi asas, prinsip dan panduan dalam menggubal dasar dan undang-undang berkaitan perlindungan pengguna.
- Input kajian digunakan untuk pembentukan PTP baharu yang menjadi rujukan utama kepada segala kegiatan berkaitan kepenggunaan oleh semua organsasi.





Sesi perbincangan bagi pembentukan Pelan Tindakan Pengguna bagi Kajian Semakan Semula Dasar Pengguna Negara pada 9 September 2022 di Bangi Resort Hotel

# Antarabangsa

PROGRAM 4 (BPDK)

## ASEAN Committee On Consumer Protection (ACCP)

ACCP merupakan inisiatif Malaysia melalui KPDN dengan negara-negara ASEAN untuk bekerjasama dalam meningkatkan perlindungan pengguna di peringkat serantau.

DATA/STATISTIK: FAKTA ACCP

**Keahlian ACCP terdiri daripada 10 buah negara anggota ASEAN** iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam

**2 kali Mesyuarat pada**

- Mesyuarat ACCP pada 16-19 Mei 2022
- Mesyuarat ACCP pada 21-23 November 2022

**8 kali Bengkel**

**5 kali Webinar/Persidangan**

**Pencapaian ACCP:**

- Pelaksanaan 3rd *ASEAN Consumer Protection Conference* pada 28 Jun 2022
- Pelancaran Garis Panduan *ASEAN Online Dispute Resolution*
- Pembangunan Garis Panduan *Consumer Impact Assessment*
- Pembangunan Garis Panduan *E-Commerce*



Mesyuarat ACCP ke-24 secara dalam talian pada 17-19 Mei 2022 di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur



Mesyuarat ACCP ke-25 secara dalam talian pada 21-23 November 2022 di Bangi Resort Hotels



# Bahagian Standard Kepenggunaan

PROGRAM 1 (BSK)

## Program Advokasi Standard Keselamatan Barangan Pengguna 2022 Johor

Program Advokasi Standard Keselamatan Barangan Pengguna KPDNHEP 2022 yang diadakan pada 26 Februari 2022 di Trove Hotel, Johor Bahru, merupakan inisiatif Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK), KPDNHEP dengan kerjasama KPDNHEP Johor. Tujuan utama program ini adalah meningkatkan dan memperkuat pemahaman serta kesedaran pengguna tentang peraturan untuk standard keselamatan barangan pengguna yang dikawal selia oleh KPDNHEP. Antara intipati program ini termasuk sesi taklimat berkaitan Hak-Hak Pengguna dan Saluran Aduan KPDNHEP, penandaan keselamatan bagi komponen automotif, bateri primer dan mainan kanak-kanak. Selain itu, sesi interaktif kahoot turut diadakan bagi menguji pemahaman peserta berhubung topik-topik yang disediakan.

PROGRAM 2 (BSK)

## Majlis Amanat YB Menteri KPDNHEP bersama Pihak Industri Sempena Pewartaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Pelitup Muka Bukan Perubatan & Peranti Rokok Elektronik 2022



Pada 7 April 2022, BSK telah menganjurkan majlis Amanat YB Menteri KPDNHEP bersama pihak industri sempena pewartaan perintah perihal dagangan (perakuan dan penandaan) pelitup muka bukan perubatan dan peranti rokok elektronik. Tujuan penganjuran program ini adalah sebagai salah satu usaha KPDNHEP dalam meningkatkan pematuhan perintah oleh pihak industri. Selain itu, tujuan perintah ini adalah bagi memastikan pelitup muka bukan perubatan dan peranti rokok elektronik yang dihasilkan atau diimport memenuhi piawaian keselamatan, berkualiti tinggi, dan dilengkapi dengan kelulusan MS SIRIM. Seramai 130 orang yang terdiri daripada pengilang dan pengimport bagi kedua-dua industri telah hadir bagi mendengar mengenai penerangan kedua-kedua perintah ini dengan lebih terperinci. Kerajaan mengambil langkah ini untuk meningkatkan perlindungan dan keselamatan pengguna dengan menggalakkan penggunaan piawaian yang sesuai dan menangani masalah produk sub-standard di pasaran. Pengeluar dan pengimport dikehendaki mematuhi peraturan ini dengan mengemukakan permohonan untuk kelulusan MS SIRIM dan menanda kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

PROGRAM 3 (BSK)

# Program Kita Pengguna Tahun 2022

Program Kita Pengguna diadakan di MyTOWN Cheras, Kuala Lumpur pada 26-28 Ogos 2022. Program ini dirasmikan oleh mantan YB Menteri KPDNHEP, Dato Sri Alexander Nanta Linggi. Tujuan program ini adalah memperkuatkan mesej kepenggunaan KPDNHEP dan memberikan advokasi serta kesedaran kepada pengguna dan orang awam mengenai pendayaupayaan pengguna. Program ini fokus pada meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai pembelian dan penggunaan barangan yang mematuhi piawaian dan standard yang ditetapkan oleh pihak berkuasa untuk barangan yang dikawal selia oleh KPDNHEP seperti mainan kanak-kanak, bateri primer, tayar pneumatik, pelapik brek gantian, topi keledar motosikal, dan kaca keselamatan bagi menjaga keselamatan pengguna.



Selain itu, terdapat pelbagai aktiviti sampingan seperti pertandingan debat, kuiz kahoot, dan cabutan bertuah dalam menarik pengunjung hadir ke program ini.

PROGRAM 4 (BSK)

# Penglibatan BSK di dalam Karnival Barangan Malaysia 2022

BSK telah menyertai siri Karnival Barangan Malaysia 2022 yang telah diadakan di tiga lokasi iaitu di Perak (Mydin Mall Meru Raya), Johor ( Plaza Angsana) dan Sarawak (Perkarangan Kuching Waterfront). Bagi setiap program ini, pihak BSK menghantar wakil bagi memberi taklimat mengenai "Standard Keselamatan Barangan Pengguna" serta pempamer pada karnival tersebut. Gerai pameran dihiasi dengan barang-barang yang dikawal selia oleh BSK seperti mainan kanak-kanak, bateri asas, topi keledar motosikal, brek pad, dan brosur berkaitan bagi menguar-uarkan advokasi dan meningkatkan kesedaran serta pendidikan mengenai standard keselamatan barangan pengguna kepada pengunjung.









PROGRAM 5

# Mesyuarat Penetapan Kriteria Dalam Menentukan Keperluan Pewujudan Peraturan, Garis Panduan dan Polisi Berkaitan Keselamatan Barangan Pengguna

Mesyuarat penetapan kriteria ini telah diadakan pada 20-22 Oktober 2022 di Noble Resort Hotel, Melaka. Penganjuran mesyuarat ini adalah selari dengan hasrat KPDNHEP untuk menyemak semula dasar, polisi, dan proses kerja sedia ada supaya relevan dengan keperluan semasa dan masa depan. Dalam hal ini, BSK telah menetapkan kriteria dalam menentukan keperluan pewujudan peraturan, garis panduan dan polisi berkaitan keselamatan barangan pengguna di bawah KPDNHEP.

Agenda utama mesyuarat termasuk mendapatkan input dan berkongsi amalan terbaik melalui kajian kes di Kementerian atau Jabatan terlibat bagi mengelakkan pertindihan bidang kuasa selain untuk membantu BSK menyediakan kriteria yang komprehensif.



# Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia

## Pengenalan

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) merupakan suatu institusi keadilan alternatif kepada pengguna bagi menyelesaikan pertikaian tuntutan tebus rugi dengan penjual barang atau pembekal perkhidmatan tanpa pengguna perlu memfailkan tuntutan mereka ke Mahkamah Sivil.

Bagi meningkatkan kesejahteraan sosial kepada pengguna, pengendalian pemfailan, pengurusan dan perbicaraan kes pertikaian tebus rugi di TTPM disampaikan secara mudah, murah dan cepat. Kes didengar secara bebas, adil dan saksama. Dalam mengharungi cabaran kekangan akibat penularan pandemik Covid-19 yang telah mengakibatkan peningkatan kes kes tertunggak yang ketara akibat beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan dan mematuhi norma baharu dan negara memasuki fasa endamik mulai 1 April 2022, TTPM telah membuat beberapa inisiatif pada tahun 2022 seperti penambahan jumlah bilangan Presiden serta mewartakan pindaan Peraturan Peraturan Tribunal Tuntutan Pengguna 2022. Pindaan ke atas Peraturan peraturan Tribunal Tuntutan Pengguna 2022 telah memperkenalkan tatacara penyerahan dokumen secara elektronik, pengendalian perbicaraan secara dalam talian dan beberapa penambahbaikan lain bertujuan memudahcara dan meningkatkan kecekapan penyelesaian kes. Pada tahun 2022, TTPM berhadapan dengan situasi lonjakan peningkatan kes tertunggak yang sangat tinggi yang dibawa dari tahun 2021 dimana terdapat sebanyak 3,190 kes tertunggak dan 2,500 kes daripadanya tidak dapat dibuat pendengaran pertama.

TTPM berhadapan dengan situasi **lonjakan peningkatan kes tertunggak** dari tahun 2021 dimana terdapat sebanyak

**3,190 kes tertunggak**

dan **2,500 kes daripadanya tidak dapat dibuat pendengaran pertama**

# Program/Aktiviti dan Pencapaian

PROGRAM 1 (TTPM)

## Majlis Ramah Mesra Antara Anggota Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia Bersama Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (YBM KPDNHEP)

**13 September 2022, Zenith Hotel, Putrajaya**



Majlis ini merupakan platform utama pertemuan dan perkenalan antara Yang Berhormat Menteri KPDNHEP dengan barisan Anggota Tribunal yang telah dilantik sebagai Presiden di TTPM. Sesi ini telah dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (YBM PDNHEP), YBhg Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPDNHEP, YBhg. Datin Roszanina binti Wahab, Timbalan Ketua Setiausaha Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan (PPP) dan kehadiran barisan Anggota Tribunal yang terdiri daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi TTPM serta 13 orang anggota Tribunal yang dilantik oleh Menteri. Majlis ini turut meraikan dua Anggota lantikan baharu dan sesi penyerahan watikah dilaksanakan oleh YB Menteri dengan diiringi oleh Datuk KSU dan Datin TKSU (PPP).





PROGRAM 2 (TTPM)

# Penyelesaian 100% Pendengaran Pertama Terhadap 2500 Kes Tertunggak Bagi Tahun 2021 Sebelum atau Pada 30 Jun 2022

Matlamat **Memastikan semua kes tuntutan tertunggak tahun 2021 yang terkesan dengan Pandemik Covid-19 dapat dibuat pendengaran pertama menjelang 30 Jun 2022**



TTPM telah **meningkatkan bilangan perbicaraan hampir 200%** berbanding purata tahun sebelumnya iaitu sebanyak

**857 kali**

bagi mengendalikan pendengaran kes tertunggak

Semenjak penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bermula dari Mac 2020, pelaksanaan prosiding TTPM di seluruh negara telah terjejas dan sehingga Disember 2021, masih terdapat baki sebanyak 2500 kes yang belum dibicarakan. Sehubungan itu, TTPM telah mensasarkan penyelesaian pendengaran pertama bagi 2500 kes tertunggak tahun 2021 yang tidak dapat dibuat pendengaran pertama dalam tempoh Januari hingga Jun 2022. TTPM telah meningkatkan bilangan perbicaraan hampir 200% berbanding purata tahun sebelumnya iaitu sebanyak 857 kali bagi mengendalikan pendengaran kes tertunggak disamping peningkatan pemfailan kes semasa tahun 2022. Objektif utama pelaksanaan inisiatif ini adalah bagi memastikan peningkatan penyelesaian dan penamatan kes terutamanya bagi baki kes tertunggak tahun 2021. Menjelang 22 Mei 2022, TTPM telah mencapai sasaran 100% penyelesaian pendengaran pertama bagi keseluruhan 2,500 kes tertunggak tahun 2021.

**Data/statistik : KPI Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Jangka Sederhana (Januari-Jun) Ahli Jemaah Menteri Tahun 2022, sehingga 30 Jun 2022**

| Strategi | Program/Inisiatif | Sasaran | Pencapaian Hingga 31 Mac 2022 | Pencapaian Hingga 15 Mei 2022 | Pencapaian Hingga 10 June 2022 |
|---|---|---|---|---|---|
| Memperkasa mekanisme penyelesaian kes tertunggak pada tahun 2021 di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) | 100% selesai pendengaran pertama kes tertunggak 2021<br><br>Memastikan 2500 kes pada tahun 2021 yang belum dibuat pendengaran pertama susulan daripada keadaan pandemik covid dan pematuhan kepada arahan MKN sepanjang tahun 2021 diambil perhatian khas dan tindakan | 100% | 2,235 kes (90%) | 2,397 kes (96%) | 2500 kes (100%)<br><br>Menjelang 22 Mei 2022, keseluruhan 2,500 kes telah selesai dibuat pendengaran pertama oleh TTPM |

PROGRAM 3 (TTPM)

# Pemfailan Kes Tuntutan Tebus Rugi di Tribunal Tuntutan Pengguna (TTPM) tahun 2022

Matlamat **Saluran alternatif kepada pengguna untuk membuat tuntutan tebus rugi bagi barang dan perkhidmatan secara murah, mudah dan cepat**

Sepanjang tahun 2022 dan Sehingga Disember 2022, TTPM telah mengendalikan sebanyak 10,525 kes iaitu 7,109 kes yang difailkan pada tahun 2022, 3,190 kes yang dibawa dari tahun 2021 dan 226 kes yang dibawa dari tahun 2020. Daripada 7,109 permohonan yang difailkan pada tahun 2022, sebanyak 4,412 permohonan tuntutan telah diselesaikan dengan jumlah nilai award yang telah dikeluarkan adalah RM 9,173,232.11. Daripada keseluruhan kes yang difailkan sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 40.81% kes telah difailkan bagi kategori barang dan 59.19% kes telah difailkan bagi kategori perkhidmatan dengan jumlah 2,901 kes pemfailan bagi kategori barang manakala 4,208 kes pemfailan bagi kategori perkhidmatan. Antara kes tertinggi yang difailkan bagi kategori barang adalah barangan elektrik, kereta, telefon, perabot dan pakaian. Kes tertinggi bagi kategori perkhidmatan adalah pengubahsuaian rumah, bengkel kereta, rawatan penjagaan kecantikan, penyewaan rumah/hotel/chalet/bilik / homestay dan juga agensi pelancongan.

**Data/statistik: Laporan bulanan TTPM**

| Bil | Kategori Perkhidmatan | 2022<br>Bil. Kes | Peratus (%) | Nilai Tuntutan (RM) | Nilai Award (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Pengubahsuaian Rumah | 757 | 10.65 | 14,675,611.45 | 3,593,434.81 |
| 2 | Bengkel Kereta | 388 | 5.46 | 3,163,146.98 | 301,112.94 |
| 3 | Rawatan Penjagaan Kecantikan | 333 | 4.68 | 1,687,667.25 | 177,575.53 |
| 4 | Agensi Pelancongan | 266 | 3.74 | 2,314,741.89 | 261,141.29 |
| 5 | Penyewaan Rumah/Hotel/Chalet/Bilik/ Homestay | 240 | 3.38 | 919,768.95 | 100,280.62 |
| | **Jumlah** | **1,984** | **27.91** | **22,760,936.52** | **4,433,545.19** |

| Bil | Kategori Barang | 2022<br>Bil. Kes | Peratus (%) | Nilai Award (RM) | Nilai Award (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Barangan Elekrik | 442 | 6.22 | 1,332,010.41 | 99,855.63 |
| 2 | Kereta | 399 | 5.61 | 5,755,600.08 | 630,780.38 |
| 3 | Telefon | 239 | 3.36 | 725,556.66 | 53,027.90 |
| 4 | Perabot | 224 | 3.15 | 960,515.01 | 122,069.00 |
| 5 | Pakaian | 156 | 2.19 | 310,820.27 | 10,865.32 |
| | **Jumlah** | **1,460** | **20.53** | **9,084,502.43** | **916,598.23** |

# KAMI BERTINDAK



## Pencapaian Keseluruhan Tugas-Tugas Penguatkuasaan Tahun 2022

Jumlah Pemeriksaan
**825,087 premis**

Jumlah Kes
**10,869**

Jumlah Nilai Rampasan
**RM333.06 juta**

Jumlah Kompaun
**RM7.88 juta**

Jumlah Denda
**RM439,830.00**

## Aktiviti Mengawalselia Bekalan Harga

**2,294**
**Statistik Kes** di Bawah Akta Kawalan Harga & Antipencatutan (AKHAP) 2011 Tahun 2022 (Barangan Harga Terkawal)

**6,411**
**Statistik Nilai Rampasan** di Bawah Akta Kawalan Harga & Antipencatutan (AKHAP) 2011 Tahun 2022 (Barangan Harga Terkawal)

**1,196**
**Statistik Kes** di Bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 Tahun 2022 (Bekalan Barang Terkawal)

**19,323,426**
**Statistik Nilai Rampasan** di Bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 Tahun 2022 (Bekalan Barang Terkawal)

Antara operasi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang melibatkan nilai rampasan terbesar sepanjang tahun 2022

**Aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi di sebuah stor di Selangor. Kes disiasat di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM605,000.**




**Aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi di sebuah stor di Perak. Kes disiasat di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM323,000.**





Aktiviti Penyelewangan Minyak Masak Bersubsidi Minyak Masak Paket 1kg di Sandakan Sabah

**Menghasilkan satu kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan menyita minyak masak paket 1 kg pelbagai jenama dan nilai sitaan RM37,600.**





OPS RIA 4.0: Pematuhan tanda harga oleh pasaraya terpilih berdasarkan harga yang ditetapkan Kerajaan semasa pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)

**LAPORAN 90% DARIPADA 1875 PASARAYA YANG DIPERIKSA PATUH BAGI ENAM SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN 2022**

| Bil | Bulan | Sasaran (jumlah premis) | Pencapaian | % Pencapaian |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Januari | - | - | - |
| 2 | Februari (Tahun Baru Cina) | 450 | 450 | 100% |
| 3 | Mac | - | - | |
| 4 | April | - | - | - |
| 5 | Mei (Hari Raya Puasa) | 450 | 450 | 100% |
| 6 | Jun (Pesta Kaamatan dan Hari Gawai) | 75 | 75 | 100% |
| 7 | Julai | - | - | - |
| 8 | Ogos | - | - | - |
| 9 | September | - | - | - |
| 10 | Oktober (Deepavali) | 450 | 450 | 100% |
| 11 | November | - | - | - |
| 12 | Disember (Krismas) | 450 | 450 | 100% |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **1,875** | **1,875** | **100%** |

OPS MENU 2.0: Pematuhan penandaan harga di restoran dan kedai makan yang menjual nasi campur

**PROGRAM PEMATUHAN PENANDAAN HARGA DI RESTORAN DAN KEDAI MAKAN YANG MENJUAL NASI CAMPUR DI SELURUH NEGARA TAHUN 2022**

| Negeri | Jumlah Restoran dan Kedai Makan | | % |
|---|---|---|---|
| | Sasaran | Patuh | |
| Perlis | 20 | 20 | 100.00 |
| Kedah | 105 | 105 | 100.00 |
| Pulau Pinang | 132 | 132 | 100.00 |
| Perak | 130 | 130 | 100.00 |
| Selangor | 135 | 135 | 100.00 |
| WPKL | 135 | 135 | 100.00 |
| WP Putrajaya | 30 | 30 | 100.00 |
| Negeri Sembilan | 105 | 105 | 100.00 |
| Melaka | 105 | 105 | 100.00 |
| Johor | 135 | 135 | 100.00 |
| Pahang | 105 | 105 | 100.00 |
| Terengganu | 105 | 105 | 100.00 |
| Kelantan | 135 | 135 | 100.00 |
| Sarawak | 135 | 135 | 100.00 |
| Sabah | 135 | 135 | 100.00 |
| W.P. Labuan | 20 | 20 | 100.00 |
| **Jumlah Besar** | **1667** | **1667** | **100.00** |

OPS GORENG 5.0: Pematuhan syarikat pembungkus/pemborong dan peruncit minyak masak terhadap Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS)



**OPS GORENG 5.0**

**Pematuhan syarikat pembungkus/ pemborong dan peruncit minyak masak terhadap Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS)**

| Sasaran | | Pencapaian |
|---|---|---|
| 1,905 | > | 1,905 |

**100%**

## Aktiviti Melindungi Pengguna

Statistik Kes Halal Tahun 2022

| 2019 | 2020 | 2021 | 2022 |
|---|---|---|---|
| 90 kes | 74 kes | 71 kes | 45 kes |
| Nilai Rampasan | Nilai Rampasan | Nilai Rampasan | Nilai Rampasan |
| RM627,146 | RM7,896,360 | RM3,093,100 | RM1,135,078 |

OPS SUCI 2.0: Pematuhan perundangan halal di hotel dan restoran



**OPS SUCI 2.0**

**Pematuhan Perundangan Halal di Hotel dan restoran**

| Sasaran | | Pencapaian |
|---|---|---|
| 450 | > | 720 |

**160%**

**Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan dan Penguatkuasaan Halal (JPPPH) telah diadakan pada 18 Ogos 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Aras 10 KPDNHEP Putrajaya**

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU KPDNHEP. Hadir sama YBrs. Tuan Shamsul Nizam bin Khalil, Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) dan Tuan Hamzah bin Mahadi, Ketua Seksyen Harta Intelek. Mesyuarat turut dihadiri oleh beberapa pegawai kanan BPGK, wakil bahagian, agensi kerajaan dan Jabatan Agama Islam Negeri.





**OPS BLING**: Pematuhan ke atas ketulenan logam berharga (emas)



## OPS BLING

**Pematuhan ke atas ketulenan logam berharga (emas)**

| Sasaran | | Pencapaian |
|---|---|---|
| 75 | > | 75 |

**100%**

**OPS SPANAR 2.0**: Pematuhan bengkel-bengkel kenderaan bermotor terpilih terhadap Pendedahan Maklumat Bengkel

## OPS SPANAR 2.0

**Pematuhan bengkel-bengkel kenderaan bermotor terpilih terhadap Pendedahan Maklumat Bengkel**

| Sasaran | | Pencapaian |
|---|---|---|
| 400 | > | 443 |

**110.8%**

**OPS SAMAR**: Pematuhan premis ke atas perundangan tanda harga dan timbangan secara pemakaian preman

Pelaksanaan Ops Samar diwujudkan bagi memastikan pematuhan peniaga terhadap penandaan tanda harga, penentusahan alat timbang sukat, keberadaan bekalan yang diterima di pasaran dan pematuhan undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pemantauan yang dijalankan secara penyamaran (pakaian preman) oleh Pegawai Penguat Kuasa di seluruh Negara. Statistik OPS SAMAR 3.0 yang dilaksanakan bermula pada bulan Mac 2022 sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

## OPS SAMAR

**Pematuhan premis ke atas perundangan tanda harga dan timbangan secara pemakaian preman**

| Sasaran | | Pencapaian |
|---|---|---|
| 981 | > | 981 |

**100%**





## ASEAN *Consultative Committee for Standards and Quality Working Group on Legal Metrology* (ACCSQ- WG3)




LANGKAWI, 5 Oktober 2022 - YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof telah merasmikan *ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality Working Group on Legal Metrology* (ACCSQ-WGLM). ACCSQ-WGLM adalah Kumpulan Kerja bagi bidang *Legal Metrology* di peringkat Negara-Negara ASEAN. Malaysia diwakili oleh Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK) – SIRIM yang berlangsung pada 5-6 Oktober 2022.

Mesyuarat ACCSQ-WG3 ini dihadiri oleh delegasi-delegasi dari sepuluh (10) buah negara ASEAN iaitu Negara Brunei, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam serta wakil dari Sekretariat ASEAN dan Physikalish-Technische Bundesanstalt (PTB-Germany).

Objektif utama mesyuarat ACCSQ-WG3 adalah untuk membincang dan mengharmonisasikan perundangan *Legal Metrology* di kalangan Negara ASEAN bagi mengelak halangan teknikal perdagangan (*technical barrier to trade*). Seterusnya, mesyuarat juga merupakan platform bagi mengenal pasti bidang kerjasama dan penyelarasan aktiviti-aktiviti *Legal Metrology* di kalangan Negara ASEAN.





## Perolehan Alat Timbang Kenderaan Berkapasiti 80 Tan



Melalui projek baharu Bahagian Penguat Kuasa (BP) di bawah Peruntukan Pembangunan Rolling Plan ke-2 RMK 12 Tahun 2022, BP telah berjaya membuat perolehan bagi membeli seunit Alat Timbang Kenderaan (ATK) yang berkapasiti 80 tan dan ditempatkan di Kompleks Penyimpanan, Bahagian Penguat Kuasa, KPDNHEP, Nilai, Negeri Sembilan.

Majlis Serah Terima Stesen Alat Timbang Kenderaan (ATK) daripada pihak Pembekal telah diadakan pada 20 Oktober 2022 yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha dan KPDNHEP. Antara aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang boleh dilaksanakan dengan menggunakan ATK adalah seperti berikut:

i. Mengira berat timbangan barang-barang eksibit yang dirampas bagi tujuan pendakwaan dan pelupusan; dan
ii. Kemudahan latihan kepada Pegawai Penguat Kuasa, KPDNHEP di seluruh negara.

ATK ini juga boleh dianggap sebagai salah satu hadiah kejayaan buat BP bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Ulangtahun Ke-50 Bahagian Penguat Kuasa bagi tahun 2022.





Operasi Membanteras Skim Piramid 'OP *REWARD*'

**38 akaun**

**di tujuh (7) buah bank dibekukan selain sitaan wang tunai dengan jumlah keseluruhan sebanyak**

**RM967,720.29**

**Nilai Sitaan**

**RM4,715,864.38**

**Kes disiasat di bawah Seksyen 27B Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993**

## Aktiviti Melindungi Harta Intelek

Statistik Kes Operasi Cetak Rompak Tahun 2022

| Tahun | Pecahan Akta | | | Jumlah Kes |
|---|---|---|---|---|
| | APD (LCO) 2010 | AHC 1987 | ACO 2000 | |
| 2019 | 89 | 71 | 0 | 160 |
| 2020 | 71 | 32 | 0 | 103 |
| 2021 | 14 | 23 | 0 | 37 |
| 2022 | 2 | 30 | 0 | 32 |

APD (LCO) 2010: Akta Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010
AHC 1987: Akta Hak Cipta 1987
ACO 2000: Akta Cakera Optik 2000







## Nilai Rampasan Operasi Cetak Rompak Tahun 2022

RM3,277,464

**APD (LCO) 2010: Akta Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010**
**AHC 1987: Akta Hak Cipta 1987**
**ACO 2000: Akta Cakera Optik 2000**

## Statistik Kes Barang Tiruan Tahun 2022

405

## Nilai Rampasan Barang Tiruan Tahun 2022

RM6,763,430.93

## OPS MAYA

**95% kandungan barang tiruan di platform e-dagang berdasarkan aduan pemilik cap dagang diturunkan**

| Sasaran | | Pencapaian |
|---|---|---|
| 625 | > | 513 |

82.08%

## OPS CYCORE

**Menyekat laman sesawang (site blocking) yang melakukan pelanggaran hak cipta berdasarkan aduan pemilik hak cipta**

| Sasaran | | Pencapaian |
|---|---|---|
| 577 | > | 601 |

105.20%

**Aktiviti Pembanterasan Penyelewengan Barang Bersubsidi di Sempadan Negara**

Statistik Kes Serahan Agensi Tahun 2022

| Agensi | 2022 |
|---|---|
| APMM | 3 |
| PGA | 236 |
| PDRM | 165 |
| KASTAM | 4 |
| AKSEM | 0 |
| PPM | 178 |
| SPRM | 0 |
| ATM | 29 |
| **Jumlah** | **615** |

Nilai Rampasan Serahan Agensi Tahun 2022

| Agensi | 2022 |
|---|---|
| APMM | 361,511.00 |
| PGA | 25,294,547.40 |
| PDRM | 43,193,200.63 |
| KASTAM | 45,587.50 |
| AKSEM | 0.00 |
| PPM | 8,804,321.95 |
| SPRM | 0.00 |
| ATM | 717,503.40 |
| **Jumlah** | **78,416,671.88** |

## Pemeriksaan ke Atas Kenderaan di Pos Imigresen Kompleks ICQS di Padang Besar Perlis pada 26 November 2022

Hasil pemeriksaan itu telah menghasilkan tiga (3) kes di bawah Sub Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011, Akta Kawalan Bekalan 1961. Seramai tiga (3) orang warga Negara Thailand ditahan dan telah didakwa di Mahkamah pada 29 November 2022.





## Pemeriksaan Aktiviti 'Bunkering' di Pintu Sempadan Jeti Kukup, Pontian Johor Bersama Pasukan Polis Marin pada 29 Jun 2022











Mesyuarat Penyelarasan Tugas-Tugas Penguatkuasaan Bersama Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri dan Daerah KPDN (Penilaian Setengah Tahun 2022) di Tamu Hotel, Kuala Lumpur Pada 21 Julai 2022 hingga 25 Julai 2022








Mesyuarat Penyelarasan Tugas-Tugas Penguatkuasaan Bersama Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri dan Daerah KPDN (Penilaian Tahun 2022 dan Perancangan Tahun 2023) di Novotel Hotel, Kuala Lumpur pada 28 Oktober 2022 hingga 31 Oktober 2022








# Penghargaan & Pengiktirafan

Penyerahan sijil penghargaan daripada pihak Premier League dan AVIA bersama ASTRO telah berlangsung pada 21 Oktober 2022 bertempat di Bahagian Penguat Kuasa, KPDNHEP Putrajaya






avia
cap
Certificate of Appreciation


astro
Certificate of Recognition
Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs

# Program dan Aktiviti




50
BAHAGIAN
PENGUAT KUASA
KPDNHEP
1972 - 2022

# PENGURUSAN



# Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

## Warga Kementerian

Jumlah keseluruhan warga
**4546**

Jumlah pegawai COS
**7**

Jumlah selain penguat kuasa
**1104**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)

MYSTEP
Jumlah mystep
**209**

Jumlah penguat kuasa
**2257**

Jumlah pegawai pemantau harga
**969**

# Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021

Majlis APC bagi mengiktiraf tanda penghargaan kepada warga Kementerian yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang bagi tahun 2022 berlangsung di The Wembley Hotel, Pulau Pinang pada 27.06.2022

**Jumlah Penerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang (SPC)**
**82**

**Jumlah Penerima Anugerah Khas *Life Long Excellent Services***
**5**

**Jumlah Penerima APC 366**







**267** KPDNHEP
Penerima **KPDNHEP**

**58**
Penerima **SSM**

**36**
Penerima **MyCC**

**5**
Penerima **MyIPO**




**267 CALON**

| Pengurusan & Profesional | Kumpulan Pelaksana |
|---|---|
| 24.35% (64 calon) | 75.65% (203 calon) |





# Majlis Bersama Jabatan

Mewujudkan pentadbiran dan pengurusan Kementerian yang inklusif dengan penglibatan secara aktif wakil daripada setiap skim perkhidmatan. Menyumbang idea dan membincangkan isu-isu kebajikan.

| 20 | 20 |
| --- | --- |
| Jumlah usul diusulkan | Jumlah usul telah diselesaikan |







# Latihan dan Pemantapan Kemahiran

Kementerian sentiasa menekankan kepentingan memiliki kemahiran dan tahap kompetensi yang tinggi dengan melaksanakan latihan-latihan dan program-program yang meningkatkan kemahiran generik dan fungsional pegawai

| | |
|---|---|
| Jumlah keseluruhan program latihan/kursus yang telah dilaksanakan pada tahun 2022: | **45 kursus (6 kursus generik dan 29 kursus fungsional)** |
| Jumlah program latihan/kursus yang dikendalikan oleh BPSM pada tahun 2022: | **15 latihan** |
| Jumlah perbelanjaan keseluruhan di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) tahun 2022: | **RM702,571.15** |
| **MAKLUMAT PROGRAM YANG DIKENDALIKAN OLEH BPSM** | |
| **Program Penerapan Nilai-Nilai Murni (Nuzul Al-Quran)**<br>22 April 2022, Dewan Serbaguna KPDN | **Program Transformasi Minda Tahun 2022**<br>1 – 3 September 2022, ILKAP |
| **Kursus Pemantapan Setiausaha Pejabat**<br>7 Julai 2022, Zenith Hotel Putrajaya | **Kursus STAR (*Strategic, Tactical and Refinement in Management Skills*) Tahun 2022**<br>29 September - 1 Oktober 2022, Tistle Port Dickson |
| **Program Penerapan Nilai-Nilai Murni (Maal Hijrah)**<br>16 Ogos 2022, Dewan Serbaguna KPDN | **Kursus *Outcome Based Budgeting* (OBB)**<br>12 Mei 2022, Double Tree by Hilton Putrajaya |
| **Mesyuarat Bagi Membincangkan Pembangunan Kamus Kompetensi Fungsian KPDNHEP Tahun 2022**<br>6 Mac – 8 Mac 2022, Swiss Garden Beach Resort Kuantan | **Sesi Bersama Ketua Setiausaha & Skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 hingga M44**<br>11 Ogos 2022, Rumah Kelab KPDN |
| **rogram Penerapan Nilai-Nilai Murni (Israk Mikraj)**<br>17 Mac 2022, Dewan Serbaguna KPDN | **Program Penerapan Nilai-Nilai Murni (Keluarga Bahagia Ummah Sejahtera)**<br>16 November 2022, Dewan Serbaguna KPDN |
| **Program Keselamatan & Kesejahteraan Modal Insan: Pengurusan Gangguan di Tempat Kerja**<br>18 Ogos 2022, Dewan Serbaguna KPDN | **Program TOT: Pementoran KPDNHEP Tahun 2022**<br>1-3 Julai 2022, Langkawi |
| **Program Pemantapan Pementoran: *Shaping The Leader in You***<br>9 Jun 2022, Sama- Sama Hotel KLIA | **Program *Outreach* Psikologi**<br>3 Februari 2022, Melaka |
| **Program Pemantapan AKRAB: *Psychological First Aid***<br>8 Jun 2022, Secara Online | |

## KURSUS STAR (*STRATEGIC, TACTICAL AND REFINEMENT IN MANAGEMENT SKILLS*) TAHUN 2022









## KURSUS *OUTCOME BASED BUDGETTING* (OBB)



## SESI BERSAMA KETUA SETIAUSAHA & SKIM PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41 HINGGA M44






**Gred KP41**
**37 orang**
**selesai lapor diri**
**Jumlah permohonan KP41**
**23,409**

**Gred KP29**
**50 orang**
**selesai lapor diri**
**Jumlah permohonan KP29**
**38,380**

**Gred KP19**
**58 orang**
**selesai lapor diri**
**Jumlah permohonan KP19**
**120,010**

**Pusat UFPK: 7**
Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Zon Sabah, Zon Sarawak & SPA Putrajaya (Calon PSL)

**Jumlah keseluruhan permohonan skim Perkhidmatan Penguat Kuasa**
**181,799**

# Naziran Buku Perkhidmatan Ke Negeri-Negeri Oleh Cawangan Perkhidmatan Bagi Tahun 2022

Naziran BPK ini dilaksanakan untuk menyemak dan memastikan rekod di dalam setiap BPK pegawai yang sedang berkhidmat di Kementerian ini telah dicatat dengan tepat dan teratur. Rekod ini adalah penting bagi memastikan tiada kuiri daripada pihak Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) semasa urusan persaraan pegawai kelak.

| | |
|---|---|
| Jumlah Pejabat KPDNHEP Negeri yang telah dilaksanakan naziran pada tahun 2022: | **Naziran telah dilaksanakan di 12 buah Pejabat KPDNHEP Negeri kecuali Pejabat KPDNHEP Negeri Perak, Kedah dan Perlis.** |
| Bilangan BPK yang telah disemak: | **2000 buah BPK** |
| **TAKWIM NAZIRAN BPK YANG DILAKSANAKAN OLEH BPSM** | |
| Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP Negeri Johor<br>23 – 25 Mei 2022 | Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP Negeri Pulau Pinang<br>13 – 15 Jun 2022 |
| Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP Negeri Terengganu<br>4 – 6 Julai 2022 | Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP Negeri Kelantan<br>18 – 20 Julai 2022 |
| Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP Negeri Pahang<br>25 – 27 Julai 2022 | Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP Negeri Sarawak<br>2 – 4 Ogos 2022 |
| **TAKWIM NAZIRAN BPK YANG DILAKSANAKAN OLEH BPSM** | |
| Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP Negeri Sabah<br>8 – 10 Ogos 2022 | Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP Negeri Melaka<br>22 – 23 Ogos 2022 |
| Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP Negeri Selangor<br>12 – 14 September 2022 | Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP W.P. Labuan<br>14 – 15 September 2022 |
| Naziran BPK di Pejabat KPDNHEP Negeri Sembilan<br>20 – 21 September 2022 | Naziran BPK di Pejabat KPDN W.P. Kuala Lumpur<br>27 – 28 September 2022 |







# Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan

## Prestasi Perbelanjaan Mengurus Kementerian Tahun 2022

**Justifikasi perbelanjaan Melebihi Peruntukan:**
Prestasi melebihi peruntukan ini adalah selepas mengambil kira kelulusan Surat Kuasa Berbelanjan (SKB) yang berjumlah RM2.02 bilion bagi Program Skim Penstabilan Harga Minya Masak (COSS) dan RM64 juta bagi Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM).



Jumlah Keseluruhan **Perbelanjaan Mengurus Tahun 2022**

**RM3,152,909,587.19**

**(288.02%)**

(Prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2022)

**Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Jenis Dasar Tahun 2022**

| Jenis Dasar | Peruntukan Dipinda 2022 (RM) | Perbelanjaan 2 (RM) 022 | Peratus Perbelanjaan (%) |
|---|---|---|---|
| Dasar Sedia Ada | 346,495,890 | 398,397,093.11 | 114.98 |
| Dasar One Off | 15,979,110 | 15,797,709.52 | 98.86 |
| Program Khusus | 732,201,700 | 2,738,714,784.56 | 374.04 |
| Jumlah Keseluruhan | 1,094,676,700 | 3,152,909,587.19 | 288.02 |

Seksyen Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan telah menganjurkan dua (2) Kursus Kewangan berkaitan Tuntutan Elaun Lebih Masa dan Tuntutan Perjalanan untuk warga kerja Kementerian.

Antara objektif penganjuran kursus ini adalah untuk memberikan pemahaman yang terperinci kepada peserta berkaitan kadar dan syarat tuntutan yang berkuat kuasa. Ceramah telah disampaikan oleh pegawai daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Selain itu, salah satu tentatif kursus adalah berkaitan dengan aspek penipuan ke atas tuntutan dan pemalsuan dokumen tuntutan.



Bagi menjayakan kursus ini, pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah dijemput bagi menyampaikan ceramah. Penceramah juga memberikan pendedahan berkaitan kesalahan yang boleh disabitkan di bawah

Akta SPRM 2009 (Akta 694). Beberapa contoh kes juga diceritakan bagi memberi gambaran sebenar jenayah rasuah.

Kursus pertama telah diadakan pada 26 hingga 28 Jun 2022 di JEN Penang Georgetown by Shangri-La, Pulau Pinang dan disertai oleh 30 orang pegawai Kementerian dari Negeri/ Cawangan di Semenanjung Malaysia.

Manakala kursus kedua diadakan pada 7 sehingga 9 Oktober 2022 di Hyatt Regency Kinabalu, Sabah dan disertai oleh 30 orang pegawai Kementerian yang bertugas dalam negeri Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

Kursus di JEN Penang Georgetown by Shangri-La, Pulau Pinang









# Bahagian Akaun

**69,375 bil dan tuntutan** telah diproses sepanjang tahun 2022 dan telah berjaya mencapai **99.99% pembayaran dalam tempoh 14 hari**

Sepanjang tahun 2022, Bahagian Akaun, Kementerian Perdagangan Negeri dan Kos Sara Hidup (BA, KPDN) telah berjaya melaksanakan aktiviti membawa masuk maklumat baki awal aset berjumlah RM76.5 juta melalui migrasi data untuk dilaporkan ke dalam Penyata Kewangan Kementerian. Bagi prestasi pembayaran bil dan tuntutan pula, sebanyak 69,375 bil dan tuntutan telah diproses sepanjang tahun 2022 dan telah berjaya mencapai 99.99% pembayaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima. Manakala, semakan Dokumen Akaun Terimaan (DAT) ke atas 76 Pejabat Pemungut (PP) berjaya mencapai 98% ke atas bagi setiap kriteria pematuhan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 145.

## Aktiviti dan Pencapaian dari Januari 2022 hingga Disember 2022

**PENGUMPULAN DATA MIGRASI ASET DAN LIABILITI**

### Migrasi Data Aset dan Liabiliti Ke Sistem iGFMAS

Membawa masuk maklumat baki awal aset untuk dilaporkan ke dalam Penyata Kewangan Kementerian.

| Aset Alih | Aset Tak Alih Tanah | Jumlah Aset |
|---|---|---|
| 912 | 1 | |
| 7,750,375 | 68,760,000 | 76,510,375 |

PRESTASI PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN

# Memproses bayaran di iGFMAS

Memproses semua bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima bersama dokumen sokongan.

| BIL. HARI | BIL/INVOIS | RM | PERATUS |
|---|---|---|---|
| 7 Hari | 66,894 | 2,957,253,504 | 96.43% |
| 8 hingga 14 hari | 2,473 | 157,168,206 | 3.56% |
| Lebih 14 hari | 8 | 4,049 | 0.01% |
| JUMLAH | 69,375 | 3,114,425,759 | 100% |

SEMAKAN DOKUMEN AKAUN TERIMAAN (DAT)

# Semakan Dokumen Akaun Terimaaan (DAT)

Menyemak kepatuhan Pejabat Pemungut ke atas Pengurusan Terimaan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 145.

| KRITERIA | BIL. URUSNIAGA | PERATUS |
|---|---|---|
| Kriteria 1 | Penghantaran Dokumen Akaun Terimaan dalam tempoh ditetapkan | 100% |
| Kriteria 2 | Kebenaran mengutip/ menulis, menandatangani dan membatalkan resit/ merekod dan menyemak buku tunai | 100% |
| Kriteria 3 | Kawalan terhadap penerimaan & pengeluaran stok resit serta lain-lain dokumen terkawal | 99% |
| Kriteria 4 | Perekodan di resit/ buku tunai/ penyata pemungut | 98% |
| Kriteria 5 | Penyeliaan ke atas resit/ buku tunai/ penyata pemungut | 100% |
| Kriteria 6 | Pungutan dibankkan dalam tempoh ditetapkan | 100% |
| Kriteria 7 | Laporan invois/ baucar jurnal/ hapus kira/ dokumen pelanggan/ terimaan terdahulu dan deposit | 98% |
| Kriteria 8 | Maklum balas pemerhatian ketidakpatuhan adalah lengkap | 100% |

# Bahagian Pengurusan Maklumat

## KPDNHEP Digital

### Pengenalan

Kajian Penyediaan Blueprint Pendigitalan Perkhidmatan KPDNHEP Secara *End-to-End* dan *Big Data* adalah kajian yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dengan kerjasama syarikat perunding UPUM Sdn. Bhd. bermula pada 15 Ogos 2021 hingga 14 Oktober 2022. Kajian ini adalah bagi membangunkan satu rangka kerja pendigitalan perkhidmatan KPDNHEP secara *end-to-end* serta peluasan *big data* Kementerian. *Blueprint* Pendigitalan iaitu KPDNHEP Digital dengan bertemakan KPDNHEP Memacu Transformasi Digital ini adalah bertujuan menjadi panduan bagi memacu ke arah transformasi digital yang melibatkan perekayasaan proses kerja (BPR) bagi perkhidmatan Kementerian yang akan melalui proses pendigitalan. Majlis serahan dokumen KPDNHEP Digital ini telah diadakan pada 29 September 2022 di Hotel Bangi Resort dengan penyerahan kepada YBhg. Datuk Azman bin Yusof, Ketua Setiausaha KPDNHEP oleh syarikat perunding.



### Aktiviti

1. KPDNHEP Digital - *Blueprint* Pendigitalan Perkhidmatan KPDN
2. Kajian peluasan *Big Data* Kementerian
3. Majlis Serahan Dokumen KPDN Digital kepada YBhg. Datuk Azman Bin Yusuf KSU Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Bangi Resort Hotel pada 29 September 2022
4. Lantikan *Change Champion* dan *Change Expert* Kementerian






# Sistem Kedatangan iHadir

**Pengenalan**

iHadir merupakan sistem kedatangan yang boleh digunakan untuk mendaftar ke program KPDNHEP. Seorang *Champion* telah dilantik daripada setiap bahagian bagi membantu proses pendaftaran program anjuran Bahagian masing-masing. iHadir dibangunkan pada Ogos 2021 dan telah *go-live* pada 2 Jun 2022. Sistem ini pertama kali digunakan semasa Majlis Perhimpunan Bulanan Jun 2022 di Dewan Serbaguna KPDNHEP.










# Program Keselamatan ICT Khusus Bagi Pejabat Negeri dan Cawangan Selangor

**Pengenalan**

Program Keselamatan ICT Khusus Bagi Pejabat Negeri Dan Cawangan Selangor ini dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), KPDNHEP. Program ini merupakan salah satu program pengurusan perubahan yang telah dirancang dalam Dokumen Cadangan Penambahbaikan dan Pengukuhan Keselamatan ICT Kementerian. Program pengurusan perubahan ini dimulakan dengan Pejabat Negeri dan Cawangan Selangor dan akan diperluaskan ke semua cawangan mengikut pelan pelaksanaan yang telah disediakan.

Objektif program ini adalah:

**PENDEDAHAN ANCAMAN**

Memberi pendedahan terhadap ancaman keselamatan ICT dan langkah-langkah keselamatan ICT dalam melaksanakan tugas.

**PEMBUDAYAAN ICT**

Mendidik warga KPDNHEP supaya lebih celik dan membudayakan keselamatan ICT.

Program ini telah dihadiri oleh 35 orang peserta daripada Pejabat KPDNHEP Negeri dan Cawangan di Selangor. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Datin Roszanina binti Wahab, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupaan Pengguna dan Pengurusan).

Agenda program adalah seperti berikut:




**Aktiviti**

1. Program diadakan pada 11 Februari 2022 di Dewan Makan, Aras 6, Ibu Pejabat KPDNHEP
2. Penyerahan borang soal selidik kepada semua peserta dilaksanakan sebelum dan selepas program. Semua peserta dikehendaki melengkapkan soal selidik tersebut bagi mendapatkan input daripada peserta berkaitan dengan pemahaman peserta terhadap keselamatan ICT serta tanggungjawab masing-masing dalam memastikan keselamatan ICT KPDNHEP berada di tahap yang selamat.



# Bengkel Kesedaran Proaktif Ancaman Keselamatan Siber

## Pengenalan

Bengkel Kesedaran Proaktif Ancaman Keselamatan Siber ini dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), KPDNHEP dan Cyber Security Malaysia (CSM). Program ini diadakan susulan daripada projek *Compromised Assessment* yang telah dilaksanakan bermula pada Oktober 2021 sehingga Februari 2022. Program ini juga memberi peluang pakar daripada CSM, Securelytics, Palo Alto Networks dan Cyble Ltd berkongsi ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran berkaitan bidang keselamatan siber yang terkini. Pihak CSM juga telah bersetuju untuk menjalinkan hubungan strategik dengan melaksanakan program *smart partnership* bersama KPDNHEP.

Objektif program adalah:

**01 ORGANISASI KPDNHEP**

Memupuk kesedaran tentang ancaman keselamatan siber yang proaktif bagi mengatasi ancaman keselamatan yang semakin canggih dan bermotif.

**02 PROSES**

Membuka minda kepada langkah-langkah pencegahan yang boleh dilaksana dan dibudayakan di kalangan warga KPDNHEP.

**03 TEKNOLOGI**

Memberi pendedahan kepada *data security* yang boleh membantu kawalan keselamatan di agensi.

**04 OPERASI**

Memastikan pelaksanaan operasi di organisasi berjalan dengan lancar dan efisien dengan kebolehan pasukan keselamatan ICT.

Bengkel ini telah disertai oleh 16 orang Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan dua (2) orang pegawai daripada Pejabat KPDNHEP Negeri Selangor dan Johor. Bengkel ini dirasmikan oleh Puan Sarimah binti Safian, Pengarah BPM dan perasmian penutup oleh YBhg. Datin Roszanina binti Wahab, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupaan Pengguna dan Pengurusan).

Agenda program adalah seperti berikut:




## Aktiviti

1. Program diadakan pada 3 - 5 Mac 2022 di Hotel Amari, Johor Baharu





# Seminar Kesedaran Keselamatan ICT

**Pengenalan**

Seminar Kesedaran Keselamatan ICT telah diadakan pada 3 Jun 2022 di Dewan Serbaguna melibatkan 150 orang peserta yang terdiri daripada warga Kementerian iaitu wakil daripada setiap bahagian dan negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Selangor. Seminar ini diadakan setiap tahun bagi memberi kesedaran kepada semua berkaitan kepentingan kesedaran keselamatan dalam aktiviti harian termasuk di rumah dan di pejabat.

**Aktiviti**

1. Ceramah oleh Pn Marsineh, Mentor Keselamatan Kerajaan Digital
2. Ceramah oleh wakil dari Syarikat Keselamatan



# KORPORAT



# Bahagian Undang-undang

## Fungsi BUU

- Nasihat perundangan
- Penyemakan dan penyediaan dokumen perundangan
- Guaman Sivil
- Semakan dan penggubalan undang-undang
- Pendakwaan

## Latar Belakang

Pada tahun 2022, BUU mempunyai seramai 27 orang Pegawai Undang-Undang termasuk Pegawai Undang-Undang yang ditempatkan di negeri dan 9 orang kakitangan untuk melaksanakan fungsi-fungsi BUU.

## Tugasan

### A. Nasihat Perundangan

Fungsi utama BUU adalah memberi nasihat undang-undang kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selaras dengan Perkara 145 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Bagi tahun 2022, BUU telah memberikan sebanyak 131 pandangan undang-undang secara bertulis tidak termasuk pandangan lisan yang diberikan semasa mesyuarat.

### B. Penyemakan dan Penyediaan Dokumen Perundangan

Bagi tahun 2022, BUU telah menyemak dan menyediakan sejumlah 203 dokumen perundangan.

### C. Guaman Sivil

Bilangan kes sivil dan jumlah tuntutan yang dikendalikan oleh BUU dalam tahun 2022 bagi pihak KPDNHEP adalah seperti yang berikut:



**15 kes**

**Jumlah tuntutan**

**RM97,901.91**

## D. Semakan Dan Penggubalan Perundangan

Bagi tahun 2022, pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) di Parlimen adalah seperti yang berikut:

| Perundangan Utama yang telah dibentangkan dalam sesi Parlimen pada tahun 2022 | Perundangan Utama yang akan dibentangkan dalam sesi Parlimen pada bulan Disember 2022 |
|---|---|
| i. Rang Undang-Undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 (RUU KB) | i. RUU Syarikat (Pindaan)<br>ii. RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) (RUU PLT)<br>iii. RUU Harta Alih Kepentingan Bercagar<br>iv. RUU Persaingan (Pindaan)<br>v. RUU Suruhanjaya Persaingan (Pindaan) |

### Perundangan Subsidiari

Sebanyak **92** perundangan subsidiari yang telah diwartakan sepanjang tahun 2022 seperti yang berikut:

| No | Tajuk | Tarikh Warta P.U.(A) / P.U.(B) |
|---|---|---|
| 1 | Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2022<br>Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 | 26.1.2022<br>P.U.(A) 10/2022 |
| 2 | Perintah Kawalan Bekalan (Barang-Barang Kawalan) 2022<br>Akta Kawalan Bekalan 1961 | 26.1.2022<br>P.U.(A) 21/2022 |
| 3 | Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.2) 2022<br>Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 | 26.1.2022<br>P.U.(A) 22/2022 |
| 4 | Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) 2022<br>Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 | 26.1.2022<br>P.U.(A) 23/2022 |
| 5 | Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa<br>Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 2021 | 10.1.2022<br>P.U.(B) 11/2022 |
| 6 | Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.3) 2022<br>Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 | 4.2.2022<br>P.U.(A) 29/2022 |
| 7 | Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal)(No.2) 2022<br>Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 | 4.2.2022<br>P.U.(A) 30/2022 |
| 8 | Notis Pengecualian di Bawah Subseksyen 73(1) bagi Syarikat Eternity Columbarium Park Berhad<br>Akta Skim Kepentingan 2016 | 4.2.2022<br>P.U.(B) 77/2022 |
| 9 | Notis Pengecualian di bawah Subseksyen 73(1) bagi Syarikat City Coin Technology Berhad<br>Akta Skim Kepentingan 2016 | 28.2.2022<br>P.U.(B) 126/2022 |
| 10 | Notis Pengecualian di bawah subseksyen 73(1) bagi Syarikat East West One Plantations Berhad<br>Akta Skim Kepentingan 2016 | 28.2.2022<br>P.U.(B) 131/2022 |

| No | Tajuk | Tarikh Warta P.U.(A) / P.U.(B) |
|---|---|---|
| 11 | Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Larangan Penggunaan Pernyataan, Ungkapan atau Petunjuk) (Keluaran Kelapa Sawit dan Barang-Barang Minyak Sawit) 2022<br>Akta Perihal Dagangan 2011 | 14.3.2022<br>P.U.(A) 55/2022 |
| 12 | Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Organisasi Pengurusan Kolektif) 2022<br>Akta Hakcipta 1987 | 17.3.2022<br>P.U.(A) 61/2022 |
| 13 | Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Pemberitahuan Sukarela) (Pindaan) 2022<br>Akta Hakcipta 1987 | 17.3.2022<br>P.U.(A) 62/2022 |
| 14 | Perintah Paten (Pindaan Jadual Kedua) 2022<br>Akta Paten 1983 | 18.3.2022<br>P.U.(A) 63/2022 |
| 15 | Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi 2022<br>Akta Penunjuk Geografi 2022 | 18.3.2022<br>P.U.(A) 65/2022 |
| 16 | Perintah Cap Dagangan (Pindaan Jadual Pertama dan Kedua) 2022<br>Akta Cap Dagangan 2019 | 18.3.2022<br>P.U.(A) 66/2022 |
| 17 | Peraturan-Peraturan Cap Dagangan (Pindaan) 2022<br>Akta Cap Dagangan 2019 | 18.3.2022<br>P.U.(A) 67/2022 |
| 18 | Peraturan-Peraturan Paten (Pindaan) 2022<br>Akta Paten 1983 | 18.3.2022<br>P.U.(A) 68/2022 |
| 19 | Penetapan Tarikh Permulaan Kuat kuasa<br>Akta Hak Cipta (Pindaan) 2022 | 18.3.2022<br>P.U.(B) 167/2022 |
| 20 | Penetapan Tarikh Permulaan Kuat kuasa<br>Akta Paten (Pindaan) 2022 | 18.3.2022<br>P.U.(B) 168/2022 |
| 21 | Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa<br>Akta Petunjuk Geografi 2022 | 18.3.2022<br>P.U.(B) 169/2022 |
| 22 | Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Peranti Rokok Elektronik) 2022<br>Akta Perihal Dagangan 2011 | 5.4.2022<br>P.U.(A) 95/2022 |
| 23 | Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Pelitup Muka Bukan Perubatan) 2022<br>Akta Perihal Dagangan 2011 | 5.4.2022<br>P.U.(A) 98/2022 |
| 24 | Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Tribunal Tuntutan Pengguna) (Pindaan) 2022 Akta Perlindungan Pengguna 1999 | 15.4.2022<br>P.U.(A)113/2022 |
| 25 | Perintah Kawalan Bekalan (Barang-Barang Kawalan) (No. 2) 2022<br>Akta Kawalan Bekalan 1961 | 21.4.2022<br>P.U.(A) 120/2022 |
| 26 | Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 4) 2022<br>Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 | 21.4.2022<br>P.U.(A) 121/2022 |
| 27 | Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) (No. 3) 2022<br>Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 | 21.4.2022<br>P.U.(A) 122/2022 |
| 28 | Peraturan-Peraturan Paten (Pindaan) 2022 – Pembetulan<br>Akta Paten 1983 | 27.4.2022<br>P.U.(A) 133/2022 |
| 29 | Peraturan-Peraturan Francais (Borang dan Fi) (Pindaan) 2022<br>Akta Francais 1998 | 27.4.2022<br>P.U.(A) 135/2022 |
| 30 | Peraturan-Peraturan Francais (Kelayakan Broker Francais)(Pindaan) 2022<br>Akta Francais 1998 | 27.4.2022<br>P.U.(A) 136/2022 |

## E. Pendakwaan

| Negeri | Perlis | Kedah | Pulau Pinang | Perak | Kuala Lumpur | Selangor | Negeri Sembilan | Melaka | Johor | Pahang | Kelantan | Terengganu | Sabah | Sarawak | Ibu Pejabat | **JUMLAH** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Bilangan Kertas Siasatan** | 96 | 266 | 297 | 251 | 494 | 533 | 171 | 112 | 312 | 332 | 598 | 171 | 635 | 440 | 663 | **5324** |

Sebanyak 190 kes pendakwaan telah berjaya dikendalikan mengikut kategori mahkamah seperti yang berikut:

| MAHKAMAH | | | |
|---|---|---|---|
| MAJISTRET | SESYEN | TINGGI | JUMLAH |
| 37 | 123 | 30 | 190 |

## F. Aktiviti-aktiviti BUU



Kursus Penulisan Pandangan Undang-Undang pada 11 Mei 2022 bertempat Bilik Mesyuarat Utama Bahagian Undang-Undang.



Program Brisk-walk Merdeka pada 25 Ogos 2022 di Persiaran Perdana, Putrajaya.





Mesyuarat Hala Tuju Tahun 2023 dan Kursus Pemantapan Pegawai Undang-Undang Berkenaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 pada 28 September 2022 hingga 1 Oktober 2022 di Hotel Mercure, Pulau Pinang.

# Bahagian Dasar, Perancangan Strategik & Antarabangsa

## Pencapaian KPI Kementerian 2022

KEY PERFORMANCE INDEX (KPI)

**Pencapaian KPI Kementerian sepanjang 2022**

### Teras 1

**Menstruktur Semula Ekonomi**

Pemerkasaan ekonomi rakyat melalui Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) golongan usahawan B40 dan pelajar IPT.

Pelaksanaan penetapan dan pematuhan peniaga terhadap harga maksimum ayam dan telur (gred A, B dan C).

### Teras 3

**Meningkatkan Kesejahteraan Sosial**

Penyelesian pendengaran kes tertunggak tahun 2021 yang belum dibuat pendengaran pertama susulan daripada keadaan pandemik covid dan pematuhan kepada arahan MKN sepanjang tahun 2021

### Teras 6

**Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan**

Nisbah penjimatan harga yang dinikmati penduduk kawasan luar bandar dan pedalaman bagi 7 barangan berbanding kos Projek Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming*

Memperkemas kawal selia bagi bertindak balas terhadap keperluan ekonomi digital dan menggalakkan model perniagaan inovatif melalui aplikasi mudah alih MyKPDNHEP

# Pencapaian Utama Kementerian

**KEY PERFORMANCE INDEX (KPI) TIER 1 & 2**

**KPI Kementerian sepanjang 2022**

1. Penggunaan Sistem ECOSS Dalam Industri Minyak Masak
2. Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (*Retail Digitalisation Initiative* - ReDI)
3. Penyelesaian Kes Tuntutan Pengguna Dalam Tempoh 60 Hari Dari Tarikh Pendengaran Pertama
4. Pengurang Ketirisan Barang Kawalan Bersubsidi Melalui Operasi khas Penguatkuasaan
5. Permohonan Kebenaran Tapak Stesen Minyak Baharu Melalui Sistem DataPetrol
6. Peningkatan Nilai Jualan Industri Francais
7. Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di 222 Kawasan Parlimen
8. Pembangunan Indeks Kos Sara Hidup Di Malaysia (CLI)
9. Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2021-2025 (*Distributive Trade Master Plan* - DTMP)
10. Mekanisme Kawal Selia Pengedaran LPG Melalui Perlesenan PDA dan CSA
11. Pembangunan Kompetensi Sains Data KPDNHEP
12. Kajian Keberkesanan Program Kepenggunaan
13. Pendengaran Kes Tuntutan Dikendalikan Secara Dalam Talian bagi Kes yang Tidak Dapat dibicarakan Secara Fizikal
14. Depositori Kes Tuntutan Yang Berilmiah sebagai Rujukan Perpustakaan KPDNHEP
15. Pelaksanaan Program Utama Kepenggunaan
16. Pensijilan Semula MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management Systems* (ABMS) Dengan Peluasan Skop
17. Pelaksanaan Program Advokasi Standard Keselamatan Barangan Pengguna 2022

# Pelaksanaan Dasar-Dasar Kementerian

**DASAR-DASAR KERAJAAN**

### Pendirian Kementerian Bagi Pelaksanaan Dasar-Dasar Kerajaan

| | |
|---|---|
| Memorandum Jemaah Menteri | 14 |
| Nota Jemaah Menteri | 15 |
| Ulasan Kertas Jemaah Menteri Kementerian/Agensi | 35 |

# Pencapaian GRP RIA Kementerian 2022

***GOOD REGULATORY PRACTICE* (GRP) /AMALAN BAIK PERATURAN**

### Pelaksanaan Amalan Baik Peraturan Melalui *Regulatory Impact Assessment* (RIA) sepanjang 2022

| | |
|---|---|
| *Annual Regulatory Plan* (ARP) | 5 |
| *Regulatory Notification* (RN) | 7 |
| *Regulatory Impact Statement* (RIS) | 5 |
| RIA Selesai | 4 |

**854,072** pengunjung,

**6155** transaksi perkhidmatan kaunter kementerian dan kaunter mobil agensi dan

**RM1,279,414.15** hasil jualan Keluarga Malaysia

PROGRAM JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA 2022

# Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia 2022

**Pelaksanaan Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia dilaksanakan secara bersiri di 12 lokasi seluruh negara**

Kesinambungan kepada penganjuran 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia yang dilaksanakan pada 9 hingga 12 Disember 2021 di Kuala Lumpur Convention Centre. Pengisian program berbentuk perkhidmatan kepada rakyat bagi memastikan masyarakat di semua peringkat dapat memahami serta menghayati konsep Keluarga Malaysia dengan lebih jelas yang menitikberatkan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.








LAWATAN KERJA KE UNITED KINGDOM DAN SWITZERLAND, 23 SEPTEMBER HINGGA 1 OKTOBER 2022

# Lawatan Kerja ke United Kingdom dan Switzerland, 23 September hingga 1 Oktober 2022

**YB Menteri telah mengadakan Lawatan Kerja ke United Kingdom dan Switzerland dari 23 September hingga 1 Oktober 2022**

Lawatan kerja ini turut dihadiri oleh wakil Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi memastikan perkara-perkara dibincangkan semasa lawatan dapat dilaksanakan dan diadaptasi dengan lebih menyeluruh oleh agensi seiring keperluan atau tahap kecekapan orgasnisasi antarabangsa.

Antara pengisian lawatan adalah:

| Bil | Perkara | Perincian |
|---|---|---|
| 1. | Perbincangan bersama Competition and Markets Authority (CMA | Pertemuan bersama *Competition and Markets Authority* (CMA) United Kingdom (UK) telah membuka ruang perbincangan secara lebih komprehensif dan terperinci mengenai cadangan kerjasama yang boleh dilaksanakan di antara CMA dan MyCC bagi memperkukuhkan dan mentransformasikan fungsi agensi ini.<br><br>Antara yang telah dibincangkan adalah berkaitan dengan ekonomi digital, isu penggabungan dan pengambilalihan syarikat, hak pengguna dan perkongsian kepakaran.<br><br>Selain itu, kedua-dua pihak turut membincangkan bagaimana undang-undang Persaingan dapat membantu dalam mengukuhkan kelangsungan dan keupayaan ekosistem perniagaan dan selari dengan komitmen Kerajaan dalam menyokong agenda kelestarian perniagaan. MyCC telah mencadangkan supaya kerjasama lanjutan diadakan untuk mendapatkan kepakaran berkaitan penguatkuasaan dan penghakiman. |



| Bil | Perkara | Perincian |
|---|---|---|
| 2. | Perbincangan Bersama *UK Intellectual Property Office* (IPO) | Dalam pertemuan bersama UK IPO, delegasi Malaysia telah diberi penjelasan oleh Ketua Eksekutif Interim UK IPO Adam Williams, mengenai pasukan penguatkuasaan iaitu Unit Jenayah Harta Intelek (PIPCU) iaitu sebuah pasukan khas jenayah harta intelek (IP), yang beroperasi di bawah pasukan polis London. Penubuhan pasukan penguatkuasaan ini yang memfokuskan kepada jenayah IP tentunya amat bertepatan, mengambil kira skop cabaran yang begitu luas di dalam isu-isu berkaitan IP.<br><br>KPDNHEP dan UK IPO telah membincangkan usaha untuk memberi penekanan kepada kepentingan nilai IP supaya dapat membantu industri melalui peningkatan inovasi dan kelestarian dalam perniagaan. Penekanan ini adalah melalui kesedaran dalam membuat pendaftaran berkaitan IP dan pengetahuan hak perundangan semasa berkaitan IP. |
| 3. | Perbincangan Dengan *Vocational Training Charitable Trust* (VTCT) UK | VTCT adalah merupakan salah satu pusat latihan dalam bidang kecantikan dan estetik yang yang terkemuka di UK. VTCT juga merupakan Awarding Organisation (AO) and End-Point Assessment Organisation (EPAO) yang diiktiraf oleh Kerajaan UK melalui Office of Qualifications and Examinations Regulations (OFQUAL) sebagai agensi kerajaan yang melapor secara terus kepada Parlimen dalam menentukan kelayakan dan hala tuju pembangunan industri kecantikan di UK. VTCT mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam mengendali hampir 1,260 pusat latihan dan kemahiran kecantikan di 48 buah negara di seluruh dunia termasuk Malaysia.<br><br>Melalui sesi perbincangan yang diadakan, KPDNHEP dan VTCT telah bersetuju untuk menjalinkan kerjasama dalam perkongsian kepakaran untuk mempertingkatkan kawal selia dan latihan kemahiran bagi industri kecantikan di Malaysia yang merupakan salah satu sektor perkhidmatan tidak dikawal selia (*Unregulated Service Sector*) yang sedang berkembang pesat. |
| 4. | Lawatan ke UK Battersea *Power Station* (BPS) | Battersea *Power Station* (BPS) adalah salah satu pembangunan hartanah bernilai tinggi di London yang dimajukan oleh usahasama 3 syarikat korporat Malaysia iaitu SP Setia, Sime Darby Property dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Projek ini melibatkan pembangunan rumah kediaman, taman awam dan pusat membeli-belah yang dijangka akan dibuka dengan rasminya pada 14 Oktober 2022. Melalui sesi libat urus yang diadakan bersama pihak BPS, KPDNHEP akan meneliti kerjasama strategik untuk mengadakan promosi Kempen Beli Barangan Malaysia dan lain-lain promosi di pusat membeli belah tersebut pada masa akan datang. KPDNHEP juga akan membincangkan kemungkinan syarikat-syarikat francais Malaysia diketengahkan di pusat membeli belah tersebut. |
| 5. | Lawatan ke *FareShare* Cymru di Cardiff, Wales UK | FareShare merupakan satu rangkaian pengedaran food bank terbesar di UK. Lawatan ke *FareShare Cymru* iaitu pusat pengedaran dan pengagihan bantuan makanan adalah untuk melihat proses dan sistem yang dilaksanakan oleh rangkaian ini dalam mengedarkan bantuan makanan kepada pihak yang memerlukan. |

| Bil | Perkara | Perincian |
|---|---|---|
| 6. | Lawatan ke Ekspo e*Commerce* London | *E-Commerce Expo* UK adalah merupakan ekspo e-dagang dan teknologi industri peruncitan yang terbesar di UK. Ekspo yang disertai hampir 300 syarikat penyedia perkhidmatan e-dagang terkemuka ini mempamerkan teknologi digitalisasi terkini dalam perkhidmatan penghantaran, rantaian bekalan, pasar atas talian (*marketplaces*), dan pembayaran tanpa tunai (*cashless payment*). Antara syarikat yang mengambil bahagian adalah Singapore Post, Shopify, PayFuture, PriceTracker, Doofinder, HP, Just Eat, BigCommerce, Orbitvu dan PayFuture, Net-a-porter, Peloton serta pelbagai syarikat lagi. Syarikat-syarikat yang dilawati tersebut menyediakan teknologi digitalisasi terkini yang baru diperkenalkan yang dapat meningkatkan keupayaan industri e-dagang. Teknologi digitalisasi tersebut boleh diperkenalkan di Malaysia untuk memastikan sektor e-dagang dapat terus berkembang dengan pesat dan setanding dengan negara-negara maju. |
| 7. | Kunjungan Hormat Mantan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kepada Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), PYT. Dr. Ngozi Okonko- Iweala | Mantan YB Menteri PDNHEP telah mengadakan Kunjungan Hormat kepada Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), PYT. Dr. Ngozi Okonko-Iweala pada 30 September 2022. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah berkaitan sumbangan WTO terhadap pertumbuhan ekonomi serta pembangunan Malaysia. YB Menteri PDNHEP telah diiringi oleh Wakil Tetap Malaysia ke WTO, YBrs. Dr. Rashidi Said. |
| 8. | Kunjungan Hormat Mantan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kepada Ketua Pengarah Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO), TYT. Darren Tang pada 30 September 2022 | Melalui kunjungan hormat ini, Malaysia telah memohon supaya WIPO kekal terus menyokong perjalanan progresif Malaysia agar selari dengan kemajuan teknologi dan perundangan dan perjanjian IP antarabangsa. Malaysia juga turut menyatakan komitmen untuk terus melaksanakan penguatkuasaan terhadap aktiviti cetak rompak dengan memperkenalkan Program Penguatkuasaan Hak Cipta Siber (CyCORE) untuk memberi tumpuan kepada cetak rompak digital.<br><br>Malaysia juga turut memohon WIPO untuk terus membantu dalam aspek penghasilan harta intelek melalui penambahbaikan dasar harta intelek Malaysia. Malaysia akan melaksanakan pelan tindakan 5 tahun berkaitan harta intelek melalui kerjasama terancang diantara kementerian, agensi, sektor swasta, persatuan dan dewan perniagaan. |

KUNJUNGAN HORMAT

# Kunjungan Hormat Perwakilan Asing Kepada Mantan YB Menteri

**Sepanjang 2022, YB Menteri telah menerima kunjungan hormat daripada perwakilan asing di Malaysia dan Luar Negara**

Kunjungan hormat ini memfokuskan kepada perkongsian fungsi dan polisi semasa kementerian, program-program dan bentk Kerjasama yang boleh dilaksanakan di antara Malaysia dan negara rakan.

Antara kunjungan hormat yang telah diterima oleh Mantan YB Menteri adalah seperti berikut:

1. Kunjungan Hormat oleh TYT Encik Katsuhiko Takahashi, Duta Besar Jepun ke Malaysia pada 7 Mac 2022;

2. Kunjungan Hormat oleh TYT Encik Vanu Gopala Menon, Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia pada 8 Mac 2022;

3. Kunjungan hormat oleh wakil EU - ASEAN Business Council (EU-ABC) pada 9 Jun 2022; dan

4. Kunjungan Hormat oleh Menteri Perdagangan dan Industri Singapura, TYT Mr Gan Kim Yong pada 30 Jun 2022.





# Bahagian Audit Dalam

AKTIVITI 1: PERSIDANGAN JURUAUDIT DALAM SEKTOR AWAM (PADSA) TAHUN 2022

## Memperkasakan Juruaudit Dalam

**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) menganjurkan Persidangan Juruaudit Dalam Sektor Awam Tahun 2022 pada 25 sehingga 26 Oktober 2022 yang lalu bertemakan Memperkasakan Professionalisme Juruaudit Dalam**

Persidangan ini adalah yang julung kali diadakan oleh Unit Koordinasi Audit Dalam, Seksyen Koordinasi Audit Dalam dan Perakaunan, Kementerian Kewangan Malaysia. Persidangan ini menekankan mengenai tadbir urus Audit Dalam dan isu berbangkit. Pengkongsian ilmu juga dilaksanakan mengenai bagaimana penilaian *Output* dan *Outcome* dalam pengauditan, serta mengenal pasti *How Internal Audit Add value to the organisations.*








**AKTIVITI 2: MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT BILANGAN 3 TAHUN 2022**

# Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) Bilangan 3 Tahun 2022

**Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) Bilangan 3 Tahun 2022 telah diadakan di Hotel Pullman, Negeri Kuching Sarawak pada 02 November 2022**

Mesyuarat ini diadakan bagi mematuhi kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia berkaitan penubuhan Jawatankuasa Audit (JKA) di peringkat Kementerian.

Mesyuarat Jawatankuasa Audit ini dilaksanakan dalam 4 kali setahun adalah untuk membincangkan penemuan penemuan Audit agar dapat memperkasakan sistem tadbir urus dan integriti perkhidmatan awam terutamanya warga KPDNHEP untuk sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Pemerhatian yang dibangkitkan hendaklah diambil secara proaktif dan efisien agar kelemahan dan ketidakpatuhan tidak berulang.



YBhg.Datuk KSU dan Ahli Jawatankuasa Audit yang menghadiri mesyuarat JKA Bilangan 3 Tahun 2022 yang diadakan di Hotel Pullman, Kuching Sarawak pada 02 November 2022





Sesi pembentangan penemuan penemuan Audit semasa mesyuarat JKA Bilangan 3 Tahun 2022 yang diadakan di Hotel Pullman, Kuching Sarawak pada 02 November 2022

# Unit Komunikasi Korporat

| | Facebook | Instagram | Twitter | YouTube |
|---|---|---|---|---|
| Followers | 567,388 | 135,148 | 123,524 | 20,752 |
| People Reach | 11,774,061 | 5,538,128 | 6,298,665 | 6,298,665 |
| Enggagement | 1,830,757 | 804,181 | 320,545 | - |

## KPDNHEP Dalam Media Cetak

Jumlah: 2,653

Berita berkaitan dengan KPDNHEP disiarkan dalam paparan media cetak



**Serbu penyeludup, dapat helang merah**



**Pelitup muka dan peranti rokok elektronik wajib ada cop SIRIM**

## KPDNHEP Dalam Media Elektronik

jumlah: 7,963

Sebanyak 97 Omnipresence KPDNHEP sepanjang tahun 2022 - bagi menyampaikan maklumat mengenai dasar KPDNHEP, inisiatif, program penguatkuasaan dan sebagainya menerusi platform wawancara, psa, kapsul dan liputan berita di medium (TV/ Radio) terpilih.









## KPDNHEP Dalam Media Online

Jumlah: 7,963

Sejumlah 7,963 berita berkenaan dan berhubungan dengan KPDNHEP di siarkan dalam Media Online termasuk portal berita, blog dan sebagainya sehingga Disember 2022.




## Kenyataan Media

Jumlah: 11,470

Sejumlah 11470 Kenyataan Media Rasmi telah dikeluarkan sepanjang tahun 2022 berdasarkan kepada sidang media mahupun dihantar secara terus kepada Rumah Media untuk liputan.






## Penerbitan

Jumlah: 6

Kapsul Pengguna diterbitkan sekali setiap dua bulan secara flipbook/pdf dan diedarkan ke semua cawangan, semua UKK kementerian , MPPN, Persatuan Pengguna dan Kelab Pengguna Universiti dan Sekolah . UKK juga turut menerbitkan sebuah buku 100 Hari Mengharmonikan Organisasi & Ekonomi KSU.








## KPDNHEP Turun Padang

Jumlah: 248

Sebanyak 248 majlis/program/aktiviti KPDN/Jabatan/Agensi telah diberi liputan sepanjang tahun 2022 melibatkan pelaporan berita, rakaman foto dan rakaman video bagi menyebarluas maklumat program kepada kelompok sasar serta didokumentasikan untuk rujukan.





# Bahagian Integriti

## Pensijilan Semula MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah - *Anti Bribery Management Systems* (ABMS)

- Pelaksanaan Pensijilan MS ISO 37001 ABMS juga adalah merupakan salah satu inisiatif dalam NACP.
- KPDNHEP telah mendapat Pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS kali pertama pada 14 Jun 2019.
- KPDNHEP telah berjaya mendapat Pensijilan Semula MS ISO 37001:2016 ABMS berkuatkuasa pada 3 Julai 2022.



SIJIL

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA
NO. 13, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62623 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
MALAYSIA

ISO 37001 : 2016
MS ISO 37001 : 2016



CERTIFICATE

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM

ISO 37001 : 2016
MS ISO 37001 : 2016

Registration Number MY - ABMS 00123

# Program Bicara Santai Integriti Bersama KSU

**Latar Belakang**

Program ini dilaksanakan selaras dengan hasrat YBhg. Datuk Ketua Setiausaha KPDNHEP yang dinyatakan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah peringkat Kementerian Bilangan 2/2022 pada 13 Jun 2022 untuk mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai sokongan daripada semua Bahagian untuk mendalami dan memahami masalah dan punca-punca berlakunya pelanggaran integriti di kalangan pelaksana.

**Justifikasi**

Objektif program ini ini diadakan adalah:

i. sebagai platform perjumpaan Ketua Setiausaha bersama pegawai-pegawai sokongan daripada semua Bahagian di Kementerian;
ii. memberi peluang pegawai-pegawai sokongan daripada semua untuk mendengar sendiri amanat daripada Ketua Setiausha berkaitan integriti; dan
iii. perjumpaan diadakan lebih santai dan informal bagi sesuai dengan hasrat YBhg. Datuk untuk lebih mendalami punca dan masalah yang dihadapi.

Program **Bicara Santai Integriti bersama Ketua Setiausaha** diadakan pada **25 Oktober 2022 (Selasa), 11.00 pagi – 1.00 petang** dihadiri **100 orang pegawai sokongan** gred 40 ke bawah bertempat di **Dewan Serbaguna KPDNHEP**






# Program Sambutan Hari Integriti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Dengan Kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad pada 22 November 2022



## Pendahuluan

Program Sambutan Hari Integriti Peringkat Kementerian ini merupakan acara sambutan tahunan, yang diadakan setiap tahun selaras dengan surat pemakluman sambutan Hari Integriti Nasional yang jatuh pada 5 November setiap tahun, yang diwar-warkan oleh Institut Integriti Malaysia. Bulan November dijadikan Bulan Integriti Nasional.

Pada 22 November 2022, Bahagian Integriti KPDNHEP telah menjayakan Program Sambutan hari Integriti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Dengan Kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya Program Sambutan Hari Integriti Peringkat KPDNHEP telah berjalan dengan lancarnya dan telah berjaya mencapai matlamat dan objektif sambutan hari Integriti nasional.



# Laporan Pelaksanaan Program Kursus Smart Insani Siri 2/2022



## Pendahuluan

Program Kursus Smart Insani adalah merupakan kursus anjuran Unit Pengukuhan Integriti, Bahagian Integriti, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Kursus ini merupakan salah satu program yang termasuk dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Unit Pengukuhan Integriti, dimana sasaran utama peserta kursus ini terdiri daripada kakitangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), yang berada di ibu pejabat, negeri dan cawangan.

Pada 18 hingga 20 Oktober 2022, Unit Pengukuhan Integriti ,Bahagian Integriti KPDNHEP ibu pejabat telah Berjaya menganjurkan Program Kursus Smart Insani Siri 2/2022 dengan kerjasama ILIM Kampus Besut. Dalam siri kursus ini semasa 26 orang peserta yang terdiri daripada 23 lelaki dan 3 perempuan, yang telah dipilih untuk mengikuti program ini.

Penekanan yang diberikan sepanjang kursus ini berjalan adalah keseimbangan diantara ilmu kerohanian dan jasmani, selaras dengan objektif kursus.

## Objektif kursus

Objektif kursus ini adalah:-

i. Untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen peserta dalam memperkukuhkan kerjasama cintakan organisasi.
ii. Untuk memperkukuhkan daya kepimpinan di kalangan kakitangan KPDNHEP.
iii. Untuk memantapkan nilai-nilai yang positif dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

## Rumusan program

Program kursus Smart Insani Siri 2/2022 telah berjaya mencapai objektif yang dirangkakan, dimana para peserta kursus seramai 26 orang telah diberi pendedahan yang mendalam oleh para fasilitator Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dengan berpandukan kepada modul kursus yang berkaitan dengan program smart insani. Dimana selama tiga hari dua malam para peserta diberi pelbagai pendedahan yang berkaitan dengan aspek integriti dan keagamaan.

Dalam kursus kali ini para peserta telah dibahagikan kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan telah diberi satu tugasan, dimana fasilitator telah menyediakan beberapa tajuk yang berkaitan dengan rasuah salah guna kuasa, ponteng kerja dan keberhutangan yang serius. Setiap kumpulan diminta untuk menyiapkan tugasan tersebut dan perlu dibentangkan.



## Majlis Perasmian Penutup

Majlis perasmian penutup telah diadakan dengan jayanya, dimana majlis ini telah dihadiri oleh YBhg Datin Roszanina bt Wahab, TKSU (PPP), Pengarah ILIM Kampus Besut iaitu YBhg PN Syukriyah bt Zawawi dan Tn Zuber bin Hj Zainal, Pengarah Integriti, KPDNHEP.

Pengarah ILIM Besut, telah memberi ucapan alu-aluan dan Y.Bhg Datin TKSU (PPP) telah menyampaikan ucapan serta merasmikan majlis perasmian penutup Program Kursus Smart Insani Siri 2/2022.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya Kursus Smart Insani Siri 2/2022 telah Berjaya mencapai matlamat objektif yang telah disasarkan kepada para peserta yang terdiri daripada kakitangan KPDNHEP yang telah dipilih daripada ibupejabat,negeri dan cawangan. Peserta kursus telah memberi kerjasama yang baik terhadap modul kursus yang dibimbing oleh para fasilitator yang terlatih daripada ILIM Kampus Besut.

Rata-rata peserta kursus rasa teruja dengan kursus pada kali ini malahan mereka merasakan banyak lagi aktiviti yang perlu mereka terokai daripada para fasilitator seperti contoh program Azam Janji.

Semoga kursus ini dapat dilaksanakan lagi pada masa yang mendatang untuk melahirkan warga KPDNHEP yang memiliki nilai-nilai Integriti dan etika yang tinggi selaras dengan kehendak pucuk pimpinan tertinggi KPDNHEP.





# AGENSI

SSM • MyCC • MyIPO



# Suruhanjaya Syarikat Malaysia

**Jumlah pendaftaran** dalam tempoh **1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022**

**Perniagaan**
**320,703**
[Jumlah pendaftaran sehingga 31 Disember 2022: **8,802,358**]

**Perkongsian Liabiliti Terhad**
**3,661**
[Jumlah pendaftaran sehingga 31 Disember 2022: **33,915**]

**Syarikat**
**48,253**
[Jumlah pendaftaran sehingga 31 Disember 2022: **1,482,579**]

## Latar Belakang

Aktiviti utama SSM ialah memperbadankan syarikat dan mendaftarkan perniagaan serta perkongsian liabiliti terhad di samping membekalkan maklumat syarikat dan perniagaan kepada orang awam. Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tadbir urus korporat, SSM juga melaksanakan fungsi mengawal selia melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif bagi memastikan perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan domestik.

**Statistik Utama SSM**

Sebanyak 320,703 perniagaan yang merangkumi 290,706 perniagaan milikan tunggal dan 29,997 perniagaan perkongsian telah didaftarkan dalam tempoh 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Manakala sebanyak 3,661 perkongsian liabiliti terhad dan 48,253 syarikat yang merangkumi 32 syarikat asing telah diperbadankan dalam tempoh yang sama. Statistik ini menyumbang kepada jumlah keseluruhan sebanyak 8,802,358 perniagaan, 33,915 perkongsian liabiliti terhad dan 1,482,579 syarikat yang telah didaftarkan sehingga 31 Disember 2022.

# Pencapaian Utama SSM Tahun 2022

## Persidangan Kebangsaan SSM 2022

Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-11 dengan tema '*Corporate Governance and Sustainability. Needed Now More Than Ever*' telah diadakan pada 26 hingga 27 Julai 2022. Persidangan ini yang juga dikenali sebagai SSM National Conference 2022 (SSMNC 2022) telah dianjurkan secara maya buat kali kedua sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011. SSMNC 2022 telah dirasmikan oleh YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 2,489 orang peserta daripada pelbagai latar belakang mewakili sektor awam dan korporat iaitu lembaga pengarah, setiausaha syarikat, pengamal undang-undang, usahawan, ahli ekonomi dan kewangan, ahli akademik dan pihak berkepentingan termasuk delegasi luar negara daripada Singapura, Republic of Kiribati, Malta, Belize dan Slovenia.




Statistik jumlah perwakilan Persidangan Kebangsaan SSM 2011 hingga 2022

**37** penceramah, ahli panel dan moderator

**2,489** peserta mewakili **sektor awam**, **korporat** termasuk **delegasi luar negara**

***Corporate Governance and Sustainability. Needed Now More Than Ever***







Persidangan selama dua (2) hari ini melibatkan 37 penceramah, ahli panel dan moderator daripada pelbagai latar belakang serta industri mewakili sektor awam dan swasta yang telah membentangkan topik berkaitan tadbir urus korporat demi kemampanan dalam mencapai faedah jangka panjang serta pertumbuhan perniagaan lestari. Persidangan ini merangkumi sembilan (9) sesi pleno seperti berikut:

(a) ***Plenary 1*** - ***Coming Together for The Sustainability Agenda***
(b) ***Plenary 2*** - ***Regulatory Landscape & Expectations on Sustainability Governance***
(c) ***Plenary 3*** - ***Embedding Sustainability in SMEs***
(d) ***Plenary 4*** - ***Effective Digital Governance Strategies for Sustainable Development***
(e) ***Plenary 5*** - ***Leading Climate Action from The Boardroom. From Talk to Action***
(f) ***Plenary 6*** - ***Strengthen Corporate Governance for Sustainability. Needed Now More Than Ever***
(g) ***Plenary 7*** - ***Sustainable Leadership is Needed***
(h) ***Plenary 8*** - ***Company Secretary Driving the Conversation on Sustainability***
(i) ***Plenary 9*** - ***SSM Talks***

Persidangan ini juga memberi peluang kepada semua perwakilan untuk melawat reruai pameran secara maya (virtual exhibition booth). Sebanyak 17 pempamer telah menyertai dan memeriahkan pameran maya kali ini.








Gambar sepanjang Persidangan Kebangsaan SSM 2022 yang telah diadakan secara maya pada 26 dan 27 Julai 2022




Ucaptama oleh YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri KPDNHEP semasa merasmikan MSUSSM20 pada 15 April 2022 di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur

# Sambutan Hari Ulang Tahun SSM Ke-20

Pada 15 April 2022, SSM telah menganjurkan majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 (MSUSSM20) bagi memperingati evolusi serta perjalanan SSM sepanjang dua (2) dekad penubuhannya sejak 16 April 2002. Majlis sambutan ulang tahun SSM ke-20 ini yang bertempat di Anjung Sentral, Aras 10 Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur telah disempumakan oleh YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP dengan tema 'SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan.'

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YB. Dato' Rosol Wahid, Timbalan Menteri KPDNHEP, YBhg. Datuk Azman Mohd. Yusof, Ketua Setiausaha KPDNHEP serta wakil-wakil agensi daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Penganjuran Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM yang ke-20 ini juga disemarakkan dengan pelancaran penerbitan khas buku 'SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan' sebagai dokumentasi khas bagi pencapaian dan evolusi 20 tahun penubuhan SSM.

Di samping itu, SSM turut menganjurkan pelbagai aktiviti bersempena sambutan ini seperti Program Jejak Pesara SSM, Jejak Asnaf Usahawan, Program Bantuan Sumbangan kepada tiga (3) rumah kebajikan iaitu Rumah Kebajikan Karunai Ilham, Kepong, Rumah Kebajikan Pertubuhan Cahaya Hati, Batu Caves dan Rumah Kebajikan Grace Klang, Selangor. Selain itu, SSM juga menganjurkan Program Bimbingan Usahawan 2022, Program Usahawan Muda 2022, Program Taklimat BizTalk dan Corporate Talk, pembukaan kaunter EzBiz On.The.Go, kaunter khidmat nasihat, Program Mega *Walkabout* SSM, edaran kurma dan bubur lambuk, aktiviti jualan, pembukaan reruai pameran dan aktiviti sukan dalam kalangan warga kerja SSM. Sambutan ulang tahun yang ke-20 ini juga turut diraikan oleh warga kerja SSM di semua pejabat negeri dan cawangan SSM di seluruh Malaysia dengan pelbagai pengisian program.




Pelancaran penerbitan khas buku 'SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan'




Majlis sumbangan zakat korporat dan serahan tanggungjawab sosial korporat sempena sambutan Hari Ulang Tahun SSM ke-20



Para jemputan yang menghadiri sambutan Hari Ulang Tahun SSM ke-20 di Menara SSM@Sentral

# Program Bimbingan Usahawan 2022

Program Bimbingan Usahawan 2022 (PBU22) merupakan sebuah program bimbingan dan kesedaran berterusan bagi membudayakan keusahawanan dan seterusnya memahami keperluan mematuhi peruntukan Akta Pendaftaran Perniagaan 1965, Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dengan kerjasama pelbagai Kementerian, Agensi, Persatuan dan Dewan Perniagaan. Fokus utama PBU22 adalah untuk memupuk kesedaran kepada komuniti perniagaan terhadap kepentingan dan faedah mendaftarkan perniagaan dengan SSM sekaligus memberi peluang kepada mereka untuk didedahkan kepada kaedah pemasaran digital serta pengurusan perniagaan dan kewangan yang lebih baik.

Program ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada kumpulan usahawan tentang keperluan untuk mendaftarkan perniagaan serta faedah yang diperolehi di samping memanfaatkan inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang ditawarkan oleh SSM. SPPP merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh SSM bagi membantu komuniti perniagaan yang terdiri daripada kumpulan usahawan B40 dan pelajar institusi pengajian tinggi sepenuh masa untuk memulakan perniagaan.

Usaha ini juga mendukung Inisiatif Semarak Niaga Keluarga Malaysia yang bertujuan membina keupayaan dan daya saing serta pemudahcara dalam sektor perniagaan. Inisiatif ini bakal membangkitkan semula sektor perniagaan dan komuniti usahawan yang secara langsung akan menyumbang kepada penciptaan peluang pekerjaan baharu dan mengurangkan kadar pengangguran dalam peralihan pasca pandemik serta pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ringkasan pelaksanaan PBU22 adalah seperti berikut:



Poster promosi Program Bimbingan Usahawan 2022 yang telah diadakan secara dalam talian



**PBU Siri-1**
24 Februari 2022, pelaksanaan secara **dalam talian** melibatkan **1,033 peserta**

**PBU Siri-2**
14 Julai 2022, pelaksanaan secara fizikal di **Menara SSM@ Sentral, Kuala Lumpur**
**255 peserta**


Peserta PBU22 Siri-2 bergambar kenangan bersama sijil penyertaan



Ucapan perasmian PBU22 Siri-2 oleh YBrs. Tuan Rezy Izwan Ramly, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan) pada 14 Julai 2022 di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur


Sesi 'Knowledge Sharing' bersama barisan panel yang terdiri daripada wakil SSM dan pemain industri bagi tujuan perkongsian pandangan dan pengetahuan kepada para peserta PBU22 Siri-2 di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur

SSM telah menganjurkan sebanyak **tujuh (7) program** dengan penyertaan keseluruhan seramai

**7,261 peserta**

# Program Usahawan Muda 2022

Program Usahawan Muda 2022 (PUM22) merupakan satu inisiatif dan platform SSM dalam memberi pendedahan serta galakkan kepada pelajar dan belia untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Program ini bermatlamat untuk membantu melahirkan lebih ramai usahawan muda yang berkualiti dan kekal berjaya. Sasaran utama PUM22 ini adalah pelajar institusi pengajian tinggi sepenuh masa dan sekaligus mengambil peluang untuk memanfaatkan inisiatif SPPP yang telah diperkenalkan oleh SSM.

Inisiatif penganjuran program ini bermatlamat untuk memberi kefahaman berkaitan tatacara dan faedah mendaftarkan perniagaan, strategi perniagaan dan pengurusan kewangan, strategi pemasaran digital serta perkongsian pengalaman oleh usahawan berjaya. Program ini telah diadakan dengan kolaborasi pelbagai pihak terutamanya institusi pengajian tinggi dan Persatuan Belia Negeri.

Sepanjang tahun 2022, SSM telah menganjurkan sebanyak tujuh (7) program dengan penyertaan keseluruhan seramai 7,261 orang peserta. Ringkasan pelaksanaan PUM22 adalah seperti berikut:

| Bil. | Program | Tarikh | Pelaksanaan | Lokasi Program | Bilangan Penyertaan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | PUM22 Peringkat Kuala Lumpur | 31 Mac 2022 | Dalam Talian | - | 1,268 |
| 2. | PUM22 Peringkat Negeri Pahang | 6 September 2022 | Dalam Talian | - | 1,619 |
| 3. | PUM22 Peringkat Negeri Sarawak | 10 September 2022 | Fizikal | Politeknik Kuching, Sarawak | 516 |
| 4. | PUM22 Peringkat Negeri Pulau Pinang | 14 September 2022 | Dalam Talian | - | 1,740 |
| 5. | PUM22 Peringkat Negeri Sembilan | 3 Oktober 2022 | Fizikal | Politeknik Nilai, Negeri Sembilan | 536 |
| 6. | PUM22 Peringkat Daerah Kapit dan Song, Sarawak | 8 November 2022 | Fizikal | Dewan Masyarakat Song, Sarawak | 54 |
| 7. | PUM22 Peringkat Negeri Terengganu dan Kelantan | 16 November 2022 | Hybrid | Dewan Akademi Binaan Malaysia, Jenagor, Kuala Berang, Terengganu | 1,528 |
| | **Jumlah** | | | | **7,261** |




Amanat perasmian oleh YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP semasa PUM22 Peringkat Negeri Sarawak di Politeknik Kuching, Sarawak pada 10 September 2022



YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP bersama para peserta PUM22 Peringkat Negeri Sarawak



YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP bersama peserta PUM22 Peringkat Daerah Kapit dan Song, Sarawak yang telah diadakan di Dewan Masyarakat Song pada 8 November 2022



YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP menyantuni peserta PUM22 Peringkat Daerah Kapit dan Song, Sarawak



YB. Dato' Rosol Wahid, Timbalan Menteri PDNHEP bersama peserta PUM22 Peringkat Negeri Terengganu dan Kelantan di Dewan Akademi Binaan Malaysia, Jenagor, Kuala Berang, Terengganu pada 16 November 2022



YBhg. Datuk Azman bin Mohd. Yusof, Ketua Setiausaha KPDNHEP bersama peserta PUM22 Peringkat Negeri Sembilan di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan pada 3 Oktober 2022

# Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 April 2011 sebagai badan pengawalseliaan yang ditugaskan untuk memastikan proses persaingan yang adil dan kondusif dalam aktiviti perniagaan di negara ini. Persaingan memainkan peranan penting untuk meningkatkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang seterusnya mendorong kepada penentuan harga yang kompetitif, meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan serta mewujudkan lebih banyak pilihan untuk pengguna.

Sejak ditubuhkan, MyCC telah berusaha dengan gigih dalam melaksanakan misinya untuk mejadi antara pihak berkuasa yang terunggul di Malaysia. MyCC telah berjaya meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan perusahaan dan masyarakat awam mengenai kepentingan mematuhi undang-undang yang termaktub dalam Akta Persaingan 2010. MyCC juga telah membentuk budaya persaingan yang adil di Malaysia melalui kerja-kerja penyiasatan dan penguatkuasaan serta advokasi. Sehingga kini, MyCC kekal sebagai sebuah badan pengawalseliaan penting Kerajaan dalam hal-hal yang berkaitan dengan persaingan.

## Pencapaian Utama Tahun 2022

### A. Penyiasatan Dan Penguatkuasaan

**Keputusan Cadangan dan Keputusan Akhir bagi Kes Pelanggaran Akta Persaingan 2010**

**Latar Belakang**

Akta Persaingan 2010 memberi kuasa kepada MyCC untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap syarikat yang terlibat di dalam amalan anti-persaingan. MyCC berkuasa untuk menyiasat mana-mana pihak termasuk pembekal, penjual dan pelanggan yang disyaki terlibat dengan amalan anti-persaingan atau penyalahgunaan kedudukan dominan atau monopoli.

Penyiasatan boleh dilakukan oleh MyCC dalam mana-mana situasi yang berikut:

i. sekiranya mendapat arahan Menteri;
ii. apabila terdapat pihak yang disyaki terlibat dalam aktiviti yang membabitkan pelanggaran undang-undang dalam Akta Persaingan 2010; atau
iii. sekiranya terdapat sebarang aduan daripada orang awam.

Berdasarkan Akta Persaingan 2010, selepas selesai sesuatu penyiasatan, MyCC perlu mengeluarkan Keputusan Cadangan kepada perusahaan yang disyaki melanggar larangan di bawah Bahagian II Seksyen 4 (perjanjian antipersaingan) atau Seksyen 10 (penyalahgunaan kedudukan dominan).

Susulan daripada Keputusan Cadangan tersebut, sekiranya MyCC mendapati bahawa telah berlakunya pelanggaran di bawah Bahagian II, maka MyCC harus mengemukakan Keputusan Akhir berkenaan dengan pelanggaran tersebut kepada pihak yang terlibat dalam pelanggaran tersebut.

## Objektif

Tujuan Keputusan Cadangan dan Keputusan Akhir dikeluarkan oleh MyCC adalah untuk memaklumkan keputusan berdasarkan hasil penyiasatan MyCC kepada pihak yang disyaki atau didapati terlibat dalam pelanggaran di bawah Bahagian II Akta Persaingan 2010.

## Pencapaian Program

Terdapat satu (1) Keputusan Akhir yang telah dikeluarkan oleh MyCC pada tahun 2022 iaitu:

**i. Keputusan Akhir di bawah Seksyen 40 Akta Persaingan 2010 - Pelanggaran seksyen 4(1) dibaca bersama seksyen 4(2)(d) dan 4(3) Akta Persaingan 2010 oleh 8 Syarikat melibatkan Perolehan Perkhidmatan IT.**

MyCC mengenakan penalti kewangan berjumlah RM1,548,192.36 terhadap lapan (8) syarikat kerana penglibatan mereka dalam aktiviti tipuan bida melibatkan empat (4) projek berasingan berkaitan IT bernilai RM1,925,365.90 yang diperolehi oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan ("ASWARA").

Selepas semakan menyeluruh terhadap bukti-bukti dan pertimbangan teliti terhadap representasi bertulis dan/atau lisan oleh kelapan-lapan syarikat tersebut, MyCC telah memutuskan bahawa berdasarkan bukti yang kukuh, perlakuan syarikat-syarikat tersebut membawa kepada pelanggaran di bawah seksyen 4(1) yang dibaca bersama seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010. Oleh itu, kelapan-lapan syarikat ini telah didapati

MyCC mengenakan **penalti kewangan berjumlah**
**RM1,548,192.36**
**terhadap lapan (8) syarikat** kerana penglibatan mereka dalam aktiviti tipuan bida

melanggar Akta Persaingan 2010 melalui penglibatan mereka dalam siri perjanjian antipersaingan tipuan bida dan/atau amalan bersepadu yang melibatkan projek perolehan ASWARA.

MyCC juga telah mengeluarkan satu (1) keputusan cadangan pada tahun 2022 iaitu:

i. **Keputusan Cadangan di bawah Seksyen 36 Akta Persaingan 2010 – Pelanggaran Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 oleh lima (5) pengisar makanan ayam.**

MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap lima (5) pengisar makanan ayam kerana telah melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010. Setelah penilaian teliti dibuat terhadap laporan penyiasatan tersebut, MyCC secara awalnya, melalui Keputusan Cadangan, mendapati perusahaan-perusahaan tersebut telah melanggar seksyen 4 Akta Persaingan 2010 dengan menandatangani perjanjian antipersaingan dan/atau penglibatan mereka dalam amalan bersepadu bagi menaikkan nilai harga makanan ayam yang mengandungi kacang soya dan jagung sebagai bahan utamanya antara awal tahun 2020 sehingga pertengahan tahun 2022.

Hasil penyiasatan MyCC telah mendedahkan bahawa terdapat maklumat perniagaan sensitif yang telah dikongsi antara perusahaan-perusahaan tersebut yang dilihat berpotensi untuk mengganggu persaingan dalam pasaran. Melalui penetapan harga pada nilai yang sama yang telah menyebabkan kenaikan yang sama dalam kalangan perusahaan, pilihan pembeli dalam memilih pembekal makanan ayam yang menawarkan harga terbaik menjadi terhad. Kesannya, perlakuan perusahaan-perusahaan tersebut berpotensi menghasilkan sebuah landskap antipersaingan dalam rantaian bekalan industri ayam sekiranya tidak dibendung.

## B. Persidangan Undang-Undang Persaingan Malaysia Kali Ketiga MyCC Tahun 2022

**Program: Persidangan Undang-undang Persaingan Malaysia Kali ke-3 Tahun 2022: "Ekonomi Digital, Penggabungan dan Tipuan Bida"**

**Latar Belakang**

MyCC telah menganjurkan Persidangan Undang-undang Persaingan Malaysia kali ke-3 tahun 2022 bertemakan "Ekonomi Digital, Penggabungan dan Tipuan Bida". Persidangan ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang diwakili oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi. Program ini telah diadakan di Sunway Resort pada 23 dan 24 Jun 2022.

Lebih 300 peserta tempatan dan antarabangsa dari lebih sepuluh negara yang terdiri daripada pegawai kerajaan, pengamal undang-undang, ahli ekonomi, ahli badan profesional, ahli institusi kewangan, ahli akademik, pelajar dan lain-lain menyertai persidangan intensif yang berlangsung selama dua hari ini.

Persidangan ini bertujuan untuk berkongsi, berbincang dan membahas perkembangan baharu yang akan memberi kesan kepada masa depan undang-undang persaingan dan pasaran di Malaysia. Persidangan ini turut mengumpulkan lebih daripada 40 barisan moderator dan ahli panel yang pakar dalam bidang persaingan dari seluruh dunia, termasuk United Kingdom, Ireland, Hong Kong, Filipina, Thailand dan Singapura bagi membincangkan isu-isu penting dan topik persaingan terkini dalam lapan forum berasingan seperti "Impak Ekonomi akibat Gangguan Ekonomi Digital", "Pertindanan antara Tipuan Bida dan Rasuah" dan "Merumuskan Dasar Penggabungan dan Pemerolehan yang Berkesan bagi Pembangunan Ekonomi".















## C. *The Peer Review Report on the Competition Advocacy Activities Of the Malaysia Competition Commission*

Di bawah Pelan Tindakan Persaingan ASEAN (ACAP) 2016-2025, Negara-Negara Anggota ASEAN (AMS) telah bersetuju mengenai beberapa langkah strategik untuk mengukuhkan lagi inisiatif dasar persaingan melalui ASEAN Economic Community Blueprint 2025 (ACAP 2025). Matlamat strategik ACAP 2025 adalah termasuk mewujudkan rejim persaingan yang berkesan, mengukuhkan kapasiti pihak berkuasa persaingan dalam kalangan AMS dan bergerak ke arah penyelarasan yang lebih besar dalam dasar dan undang-undang persaingan di ASEAN.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mengukuhkan rangka kerja undang-undang persaingan AMS dan mewujudkan rejim undang-undang persaingan kebangsaan yang berkesan di semua AMS, negara-negara anggota telah bersetuju untuk melaksanakan sekurang-kurangnya dua kajian 'peer review' berkaitan rejim undang-undang persaingan negara tertentu menjelang 2025. Kajian peer review ini merupakan sebahagian daripada "proses menyemak semula rejim persaingan sedia ada AMS berdasarkan pengalaman penguatkuasaan, dinamik pasaran yang berubah-ubah dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa".

Melalui inisiatif Association of Southest Asian Nations (ASEAN), MyCC telah dipilih untuk menjadi negara pertama dalam menjalankan latihan peer review yang memberi fokus terhadap aktiviti advokasi. Kajian peer review ini bermula pada Mei 2020 yang bertujuan untuk menilai dan mengenal pasti keberkesanan aktiviti advokasi serta impak dalam membina kesedaran undang-undang persaingan di Malaysia. Kajian ini telah dimuktamadkan pada bulan Disember 2022 dengan penghasilan sebuah laporan bertajuk the Peer Review Report on Advocacy Activities of the Malaysia Competition Commission (MyCC).

## D. Program Advokasi

### Latar Belakang

Sebanyak 14 program advokasi telah dianjurkan oleh MyCC secara maya dan fizikal sepanjang tahun 2022.

Program-program advokasi yang dijalankan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dari sektor awam, swasta, institusi pengajian tinggi dan organisasi bukan kerajaan (NGO).

### Objektif Program

Program-program advokasi ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut;

i. memberi penerangan mengenai fungsi, peranan dan kajian pasaran MyCC kepada pihak berkepentingan dari sektor awam, swasta, institusi pengajian tinggi dan organisasi bukan kerajaan (NGO); dan

ii. memberi peluang kepada pihak berkepentingan serta orang awam untuk mendengar perkongsian ilmu dan pengalaman oleh pegawai MyCC.

**Pencapaian Program**

Antara pencapaian-pencapaian MyCC bagi program-program advokasi yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

i. program-program berkenaan telah dihadiri oleh pemain industri, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan pelajar-pelajar univerisiti yang terdiri daripada pelajar Kursus Perniagaan dan Undang-Undang yang telah mendapat pemahaman lebih mendalam mengenai undang-undang persaingan negara;

ii. pegawai-pegawai MyCC dapat menimba pengalaman dan mengasah bakat mereka dalam memberi ceramah dan berkongsi ilmu;

iii. MyCC akan meneruskan program-program seperti ini terutamanya bersama pihak universiti awam dan swasta yang telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama MyCC dan juga universiti-universiti lain pada masa hadapan; dan

iv. MyCC sentiasa komited untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai kepentingan undang-undang persaingan negara walaupun dalam situasi pandemik COVID-19 melalui  penganjuran ceramah secara maya.










# Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

## Prestasi Pencapaian 2022

Prestasi pencapaian MyIPO 2022 adalah berdasarkan kepada pelaksanaan aktiviti utama MyIPO iaitu memproses permohonan dan mengeluarkan pendaftaran bagi paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi serta notifikasi pemberitahuan sukarela hak cipta seperti yang berikut:

**i. Paten**

a) Sejumlah 7,542 permohonan telah diterima iaitu menurun 167 (-2.16%) berbanding tahun sebelumnya (2021: 7,709); dan

b) Sejumlah 6,205 pendaftaran Paten/Perakuan Perbaharuan Utiliti telah dikeluarkan iaitu menurun 857 (-12.1%) berbanding tahun sebelumnya (2021: 7,062).

**ii. Cap Dagangan**

a) Sejumlah 50,497 permohonan telah diterima iaitu menurun 3 (-0.005%) berbanding tahun sebelumnya (2021: 50,500); dan

b) Sejumlah 43,399 sijil pendaftaran telah dikeluarkan iaitu meningkat 6,752 (18.42%) berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya (2021: 36,647).

**iii. Reka Bentuk Perindustrian**

a) Sejumlah 1,656 permohonan telah diterima iaitu menurun 83 (-4.77%) berbanding tahun sebelumnya (2021: 1,739); dan

b) Sejumlah 1,844 sijil pendaftaran telah dikeluarkan iaitu meningkat 879 (91.0%) berbanding tahun sebelumnya (2021: 965).

**iv. Petunjuk Geografi**

Sejumlah 4 permohonan diterima pada tahun 2022 (2021: 4) dan sejumlah 7 pendaftaran dikeluarkan berbanding tahun sebelumnya (2021: 6).

**v. Hak Cipta**

Sejumlah 6,574 notifikasi pemberitahuan secara sukarela hak cipta telah diterima pada 2022, menurun 165 (-2.44%) berbanding tahun sebelumnya (2021: 6,739).

# Kejayaan Dan Program Utama Yang Telah Dilaksanakan Pada 2022

## Hari Harta Intelek Negara 2022



Bersempena Hari Harta Intelek Sedunia yang disambut pada tarikh 26 April setiap tahun, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah menganjurkan Harta Intelek Negara 2022 yang bertemakan 'Belia Berinovasi: Aspirasi Keluarga Malaysia' pada 26 April 2022. Harta Intelek Negara 2022 (HHIN) merupakan usaha MyIPO untuk meningkatkan kesedaran masyarakat awam mengenai kepentingan perlindungan dan menghormati hak harta intelek. HHIN juga menjadi platform bagi semua golongan masyarakat khususnya golongan belia untuk mendapatkan malumat mengenai manfaat harta intelek mampu menyokong matlamat, membantu mengubah suatu idea menjadi nyata, menjana pendapatan, mencipta pekerjaan dan memberi kesan positif kepada dunia di sekeliling mereka.

Dalam membina sebuah masyarakat yang berbudaya harta intelek, golongan belia yang menjadi tonggak menentukan masa depan sesebuah masyarakat dan negara menjadi fokus bagi sambutan HHIN tahun 2022. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri di dalam ucapan khas sempena sambutan HHIN menerusi rakaman video yang dimuatnaik di dalam akaun Facebook MyIPO turut menzahirkan penghargaan kepada golongan belia yang turut menyumbang kepakaran, idea yang kreatif dan progresif serta kritis di dalam membina sebuah Keluarga Malaysia yang berbilang kaum dan bersatu padu ke arah membina negara yang pesat membangun.

Program khusus "Belia Berinovasi: Aspirasi Keluarga Malaysia" bersempena HHIN turut diadakan pada 20 September 2022 bertempat di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Bentong, Pahang yang telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi. Antara pengisian program tersebut antaranya adalah sesi *IP Talk*: "Inovasi: Nak Berjaya @ Kaya?", Pameran Inovasi Pelajar serta Sesi Demonstrasi Inovasi Robot oleh pelajar MRSM Bentong. Program ini turut dihadiri pelajar-pelajar dari MRSM, Pekan Kuantan, Kuala Lipis, Bera dan Sekolah Menengah Kebangsaan, Agama serta Kolej Vokasional sekitar Bentong.

# Seminar Kebangsaan “*IP and Gastronomic Tourism In Malaysia*”





Seminar kebangsaan yang telah diadakan pada 23 Jun 2022 bertempat di ibu pejabat MyIPO, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Abdul Haris bin Hj. Lakar, Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai hasil kajian dan analisis mengenai harta intelek dan kaitannya terhadap makanan tradisional Malaysia. Seminar ini juga dapat memberi kesedaran tentang kepentingan melindungi kepakaran gastronomi di seluruh rantaian nilai (*value chain*) dan mengenal pasti rangkaian komponen harta intelek yang sesuai dalam mempromosikan pelancongan gastronomi tradisional di Malaysia.

Seminar ini merupakan program kerjasama MyIPO dan WIPO di bawah Agenda Pembangunan WIPO. Malaysia merupakan salah satu negara yang terpilih untuk turut serta dalam Projek IP and Gastronomic Tourism berikutan reputasi Malaysia yang kaya dengan pelbagai jenis makanan tradisional yang disumbangkan oleh kepelbagaian budaya rakyat Malaysia. Sejumlah 15 makanan tradisional yang ikonik dan paling disukai oleh rakyat Malaysia telah dipilih dalam kajian skop dan daripada jumlah tersebut tujuh jenis makanan tradisional telah dianalisis bagi mengenal pasti potensi untuk dilindungi melalui pendaftaran harta intelek seperti cap dagangan bagi logo atau jenama pengeluar produk atau reka bentuk perindustrian bagi pembungkusan produk. Antara makanan tradisional tersebut adalah Nasi Lemak, Nasi Kerabu, Rendang Tok, Laksa Sarawak, dan Lemang. Program ini juga merupakan salah satu mekanisma untuk mempromosikan produk makanan tersebut sebagai tarikan pelancong di Malaysia, dan membolehkan pengusaha produk makanan tradisional menjana pendapatan dengan memanfaatkan perlindungan hak harta intelek.

# Penganjuran Mesyuarat ke-67 Asean Working Group On Intellectual Property Cooperation (AWGIPC) 2022






Malaysia telah terpilih sebagai tuan rumah bagi penganjuran Mesyuarat ke-67 ASEAN *Working Group on Intellectual Property Cooperation* (67th AWGIPC) yang berlangsung di Melaka pada 22 hingga 26 Ogos 2022. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Yang Berhormat Dato' Rosol Wahid.

Mesyuarat yang diadakan sebanyak 3 kali setahun ini merupakan yang kedua diadakan pada tahun 2022 secara hibrid dan telah dihadiri oleh pegawai tertinggi dari pejabat harta intelek dari negara-negara ASEAN dan rakan dialog ASEAN dari Pejabat harta intelek China, Jepun, Korea dan Amerika Syarikat.

Mesyuarat di Melaka ini antara lain membincangkan program-program yang telah dan akan dilaksanakan seperti mana yang telah digariskan di bawah 19 inisiatif di bawah ASEAN IPR Action Plan 2016-2025. Negara-negara yang menjadi negara peneraju telah membentangkan laporan dan status terkini aktiviti bagi setiap inisiatif yang telah dilaksanakan.
Mesyuarat AWGIPC merupakan platform terbaik bagi negara anggota ASEAN berbincang dan bertukar maklumat mengenai polisi, amalan terbaik dan program harta intelek. Melalui kerjasama dengan rakan dialog, AWGIPC telah berjaya menganjurkan banyak program latihan, seminar, bengkel dan simposium bertaraf antarabangsa di rantau ini. Program-program tersebut bukan sahaja telah memberi manfaat kepada pegawai-pegawai dari pejabat harta intelek tetapi juga kepada pihak kementerian, agensi kerajaan, golongan akademik serta pihak swasta di negara anggota ASEAN.

# Majlis Pelancaran Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi telah melancarkan Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 bertempat di ibu pejabat Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Kuala Lumpur pada 25 Januari 2022 yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Hasnol Zam-Zam Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) KPDNHEP Datuk Roziah Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) Datin Roszanina Wahab.serta Ketua Pengarah MyIPO, Tuan Abdul Haris Bin Hj. Lakar.

Dana IP 2.0 merupakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) yang memperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi tempoh empat tahun bermula pada tahun 2022 hingga 2025 kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi membantu usahawan tempatan untuk mendaftarkan harta intelek mereka. Pemberian dana ini juga diyakini akan memberi manfaat kepada 2,000 usahawan terutamanya daripada sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merangkumi pembiayaan fi bagi pemfailan komponen harta intelek termasuk kos bagi kerja yang memerlukan khidmat profesional dan teknikal seperti penderafan paten. Menerusi dana ini, Kerajaan akan membiayai kos pemfailan cap dagangan, paten, hak cipta, rekabentuk perindustrian dan petunjuk geografi. Pemberian dana ini bertujuan meringankan beban usahawan-usahawan tempatan seterusnya meningkatkan daya saing melalui perlindungan harta intelek dan merangsang ekonomi negara. Selain itu dana ini juga turut membantu meningkatkan pemfailan harta intelek tempatan. Seramai 100 usahawan yang menghadiri majlis ini telah memohon dana yang ditawarkan dan permohonan dana turut boleh dibuat secara dalam talian atau hadir ke Ibu Pejabat dan Cawangan MyIPO berhampiran.

MyIPO turut menawarkan dana yang sama pada 2016 sehingga 2020 di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) berjumlah RM2.5juta.



# JENDELA RETROSPEKTIF




& SEAFOOD
8.89
Lotus's
Lapar & Dahaga?
9.99
10.99
CARSOME CERTIFIED
BIG BaTH


BARANGAN MALAYSIA
AYDIN
BARANGAN MALAYSIA
Lotus's
BAJET 2022
JADIKAN HALAL
Lotus's
BANK SISWA
ISLAM ANTARABANGSA
MALAYSIA
PAGOH
1,99
X50


standard chartered
31.99


(IKS)
STANDARD KESELAMATAN
BARANG KAWALAN
BARANG SUBSIDI



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.

(603) 8000 8000

www.kpdn.gov.my

e-aduan@kpdn.gov.my

KPDN Laman Rasmi

@KPDN_HQ

kpdnhep

KPDN